



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

Nota Pintar
Pendidikan Islam
Tingkatan 5 (KSSM)

Nama:

Tingkatan:

PANEL PENULIS: JU PENDIDIKAN ISLAM
SPI JPN NEGERI SEMBILAN

ISI KANDUNGAN NOTA PINTAR
PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 5 (KSSM)

ISI KANDUNGAN			MUKA SURAT
KATA ALUAN	Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan		i
	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam, JPNNS		
	Ketua Penolong Pengarah Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam Sektor Pendidikan Islam, JPNNS		ii
	Penolong Pengarah Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam Sektor Pendidikan Islam, JPNNS		
BAHAGIAN	**PELAJARAN**	**TAJUK**	
AYAT HAFAZAN	1	Surah At-Taubah, ayat 128-129	2
	2	Surah Al-Hasyr, ayat 21-24	3
		Surah Al-Mukminun, ayat 1-11	4
TAJWID	3	Hukum tajwid	5
AYAT KEFAHAMAN	4	Ciri-ciri mukmin berjaya	11
	5	Memahami keutamaan dalam tindakan	12
	6	Kepelbagaian bangsa dalam Islam	13
HADIS	7	Setiap orang adalah pemimpin	14
	8	Tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT	15
AKIDAH	9	Allah maha mengawas dan maha menyaksi	17
	10	Ahli Sunnah Wal Jamaah	19
FEKAH	11	Solat sunat Istikharah dan Tasbih	21
	12	Perkahwinan	23
	13	Isu-isu dalam perkahwinan	27
	14	Pengurusan harta selepas kematian	31
	15	Jenayah dalam Islam	33
SIRAH DAN TAMADUN ISLAM	16	Kerajaan Uthmaniah	35
	17	Keunggulan tokoh Islam	37
AKHLAK	18	Tawaduk menzahirkan kesucian jiwa	38
	19	Istiqamah jalan menuju mujahadah	39
	20	Alam sekitar penenang minda	40
	21	Sifat mazmumah meracuni hati	41
SENARAI PANEL PENGGUBAL			43

Kata-kata Aluan



PENGARAH PENDIDIKAN,
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Segala puji-pujian dipanjatkan kehadrat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW didoakan kesejahteraan buat keluarga baginda, para sahabat dan tabiin.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sektor Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah dan semua Jurulatih Utama Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan kerana telah berjaya menerbitkan Nota Pintar Pendidikan Islam Tingkatan 5 (KSSM).

Saya percaya, buku ini akan membantu guru Pendidikan Islam dalam usaha membolehkan semua murid dapat menjadikan modul ini sebagai rujukan dalam meningkat dan melonjakkan kualiti pencapaian dalam peperiksaan yang dihadapi seterusnya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai mulia dalam kehidupan.

Saya berharap semoga usaha murni ini akan dapat mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Marilah kita sama-sama berganding bahu merealisasikan matlamat untuk menyediakan pendidikan berkualiti bagi melahirkan anak yang baik lagi cerdik serta cemerlang di dunia dan di akhirat.

YBHG. DATO' HJ. MD. FIAH BIN MD. JAMIN
Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

Kata-kata Aluan



KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN,
SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM,
JABATAN PENDIDIKAN ISLAM NEGERI SEMBILAN.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran saya panjatkan kehadrat Ilahi kerana Nota Pintar Pendidikan Islam Tingkatan 5 (KSSM) dapat dihasilkan atas usaha dan kegigihan tenaga kerja Unit Pendidikan Islam Negeri Sembilan bersama Jurulatih Negeri sendiri. Mudah-mudahan melalui Nota Pintar ini dapat membantu guru Pendidikan Islam untuk dimanfaatkan sepenuhnya di sekolah masing-masing.

Semoga dengan bekalan Nota Pintar ini dapat membantu semua guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan seterusnya melahirkan murid yang cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Sekian, wassalam

TN. MOHD WAZIR BIN HAMZAH
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Sektor Pendidikan Islam
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.



Sekapur Sireh

KETUA PENOLONG PENGARAH,
UNIT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN ISLAM, SEKTOR PENDIDIKAN
ISLAM, JPNS

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين، والصلاة والسلام على رسوله اجمعين.

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat illahi atas limpah rahmat dan inayahnya diberi peluang untuk menyiapkan modul yang sangat bermanfaat ini.

Nota Pintar Pendidikan Islam Tingkatan 5 (KSSM) telah dihasilkan oleh beberapa orang Jurulatih Utama guru Pendidikan Islam di Negeri Sembilan. Seterusnya dinilai oleh jawatankuasa penyemak daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Ia disusun dan dibina bagi memudahkan murid untuk cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, seterusnya melahirkan anak yang baik lagi cerdik serta cemerlang di dunia dan di akhirat.

Adalah diharapkan agar modul ini dapat memberi manfaat kepada semua murid bagi meningkatkan tahap penghayatan pada tahap yang lebih baik. Wassalam.

MOHD NURUNNAZIF BIN JAMAL RASHID
Ketua Penolong Pengarah,
Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam,
Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.



Penghargaan Pengurusan

PENOLONG PENGARAH,
UNIT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN ISLAM, SEKTOR PENDIDIKAN
ISLAM, JPNS

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat serta nikmat yang dianugerahkan kepada kami, dapat juga kami menyiapkan Nota Pintar Pendidikan Islam Tingkatan 5 (KSSM) ini dengan penuh jayanya.

Kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada Tuan Mohd Wazir bin Hamzah, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan serta Ustaz Mohd Nurunnazif bin Jamal Rashid, Ketua Penolong Pengarah, Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam, SPI JPNS atas kesudian beliau memberi tugasan ini kepada kami. Beliau juga banyak membantu kami sepanjang proses pembentukan tugasan ini berlaku. Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai Unit Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seremban, Kuala Pilah, Tampin, Port Dickson, Rembau dan Jempol Jelebu yang banyak membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses merealisasikan tugasan ini.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang bertungkus lumus menyumbangkan idea dan tenaga sepanjang pembikinan modul ini. Semoga usaha yang murni ini mendapat keberkatan dan rahmat dari Yang Maha Esa.

MOHD SYAIFUL BIN MOHD SALLEH
Penolong Pengarah,
Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam,
Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

PELAJARAN 1 : SURAH AT-TAUBAH, AYAT 128-129
AYAT HAFAZAN

Maksud ayat :

- Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul daripada kalangan kamu sendiri (iaitu Muhammad SAW). Terasa berat olehnya penderitaan yang kamu alami, dia sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu. Sangat belas lagi penyayang kepada orang yang beriman. (128)
- Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah : "Cukuplah bagiku Allah, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia, kepadanya aku berserah diri dan dialah yang mempunyai arash yang besar. (129)

Inti sari ayat :

1. Allah SWT telah mengutuskan rasul daripada kalangan manusia.
2. Rasulullah SAW sangat menginginkan kebaikan di dunia dan di akhirat buat umatnya.
3. Allah SWT sangat mengasihi hambanya.
4. Umat Islam perlu bertawakal sepenuhnya kepada Allah SWT.
5. Seluruh mahluk di langit dan di bumi berada di bawah kekuasan Allah SWT.

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم
بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

PELAJARAN 2 : SURAH AL-HASYR, AYAT 21-24
AYAT HAFAZAN

Maksud ayat :

- Sekiranya kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau lihat gunung itu tunduk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan contoh perbandingan ini kami kemukakan kepada manusia supaya mereka memikirkannya. (21)
- Dialah Allah, tiada tuhan melainkan dia, yang mengetahui perkara ghaib dan yang nyata. Dialah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. (22)
- Dialah Allah yang tiada tuhan kecuali dia. Yang menguasai (seluruh alam), yang maha suci, yang maha sejahtera, yang maha melimpahkan keamanan, yang maha memelihara keselamatan, yang maha perkasa, yang maha berkuasa dan yang memiliki segala keagungan. Maha suci Allah daripada apa yang mereka persekutukan. (23)
- Dialah Allah, yang menciptakan sekelian mahluk, yang mengadakan, yang membentuk rupa, baginyalah nama-nama yang sebaiknya. Bertasbih kepadanya segala yang ada di langit dan di bumi, dan dialah yang maha perkasa lagi maha bijaksana. (24)

Inti sari ayat :

1. Al-Quran merupakan mukjizat yang teragung yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW.
2. Kita hendaklah menerima al-Quran secara keseluruhan dengan penuh keyakinan.
3. Hanya Allah SWT yang berhak disembah dan dialah yang maha mengetahui segala isi hati manusia.
4. Allah SWT memiliki segala sifat kesempurnaan dan keagungan sebagai pencipta alam.
5. Seluruh mahluk bertasbih kepada Allah SWT sebagai tanda pengabdian kepada penciptanya tanpa mempersekutukannya.

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا
مِّنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۚ وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ
ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ۖ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ
﴿٢٢﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ
ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا
يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْخَٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ ۖ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ
يُسَبِّحُ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

SURAH AL-MUKMINUN, AYAT 1-11
AYAT HAFAZAN

Maksud ayat :

- Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman. (1)
- Iaitu mereka yang khusu' dalam solat. (2)
- Dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia- sia. (3)
- Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu. (4)
- Dan mereka yang menjaga kehormatannya. (5)
- Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. (6)
- Kemudian, sesiapa yang mengingini selain daripada yang demikian, maka merekalah orang yang melampaui batas (7)
- Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. (8)
- Dan mereka yang tetap memelihara solatnya. (9)
- Mereka itulah orang yang berhak mewarisi. (10)
- Yang akan mewarisi syurga firdaus, mereka kekal di dalamnya. (11)

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْوَٰرِثُونَ ﴿١٠﴾
ٱلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١١﴾

PELAJARAN 3 : HUKUM TAJWID - BACAAN RA'

1. HUKUM BACAAN RA'

TAFHIM	TARKIK
Dibaca dengan **menebalkan** bunyi sebutan "ra"	Dibaca dengan **menipiskan** bunyi sebutan "ra"

Catatan penting :
- **Kasrah** : Baris bawah
- **Dhammah** : Baris depan
- **Fathah** : Baris atas
- **Sukun** : Baris mati

Hamzah Wasal :
- Huruf hamzah tambahan yang dilafazkan ketika dibaca pada permulaan ayat.
- Huruf ini tidak dilafazkan jika dibaca secara bersambung dengan perkataan sebelumnya.

Kasrah Asli :
- Baris kasrah yang asal

Kasrah A'ridah (mendatang) :
- Baris bawah yang menggantikan baris sukun yang pertama, yang digugurkan kerana pertemuan dua baris sukun.

Huruf Istikla' :
- Huruf yang bacaannya ditebalkan, iaitu huruf

خ ص ض ط ظ غ ق

- Huruf tersebut boleh dirumuskan seperti berikut :

خُصَّ ضَغْطٍ قِظْ

RA TAFHIM (TEBAL)		CONTOH		
1	Ra berbaris fathah (atas) رَ atau dhammah (depan) رُ	رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا	رَ	Surah Ali Imrah, ayat 8
		وَلَآ أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ	رُ	Surah al-A'raf, ayat 192
2	Ra sakinah asli (baris mati) dan huruf sebelumnya berbaris fathah (atas) atau dhammah (depan)	وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَٰهِـۧمُ ٱلْقَوَاعِدَ	ـَ + رْ	Surah al-Baqarah, ayat 127
		يَجْعَل لَّكُمْ فُرْقَانًا	ـُ + رْ	Surah al-Anfal, ayat 29
3	Ra sakinah (baris mati), huruf sebelumnya berbaris kasrah (bawah) dan selepasnya terdapat huruf isti'la' berbaris fathah (atas) dalam satu kalimah	مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ	ـِ + رْ + ـَ Huruf Isti'lak	Surah at-Taubah, ayat 122
		فِى قِرْطَاسٍ فَلَمَسُوهُ		Surah al-An'am, ayat 7
4	Ra sakinah (baris mati) terletak di awal kalimah dan hurus sebelumnya hamzah wasal.	ٱرْجِعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَبِيكُمْ	ا + رْ Hamzah wasal	Surah Yusuf, ayat 81
		وَقَالَ ٱرْكَبُوا۟ فِيهَا		Surah Hud, ayat 41

RA TAFHIM (TEBAL)		CONTOH		
5	Ra sakinah (baris mati) dan huruf sebelumnya berbaris kasrah asli atau kasrah a'ridah (mendatang)	وَقُل رَّبِّ ٱرۡحَمۡهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرٗا	ـِـ + رْ kasrah asli	Surah Isra', ayat 24
		إِلَّا مَنِ ٱرۡتَضَىٰ مِن رَّسُولٖ	ـِـ + رْ kasrah a'ridah	Surah al-Jin, ayat 27
6	Ra berbaris (رَ رِ رُ) dibaca wakaf, apabila			
	• Huruf sebelumnya berbaris fathah (atas) atau dhammah (depan) atau sukun (mati) (selain huruf Ya)	إِنَّآ أَعۡطَيۡنَٰكَ ٱلۡكَوۡثَرَ ١	ـَـ / ـُـ + ر	Surah al-Kauthar, ayat 1
		وَكُلُّ شَيۡءٖ فَعَلُوهُ فِي ٱلزُّبُرِ ٥٢		Surah al-Qamar, ayat 52
	• Huruf sebelumnya Alif sakinah (alif baris mati) atau Wau sakinah (wau baris mati)	وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ مِنَ ٱلنَّارِ ١٦٧	ا / و + ر	Surah al-Baqarah, ayat 167
		وَإِلَى ٱللَّهِ تُرۡجَعُ ٱلۡأُمُورُ ٤٤		Surah al-Anfal, ayat 44
	• Huruf sebelumnya sakinah (baris mati) yang didahului huruf berbaris fathah (atas) atau dhammah (depan)	إِنَّهَا تَرۡمِي بِشَرَرٖ كَٱلۡقَصۡرِ ٣٢	ـَـ / ـُـ + ـْـ + رْ	Surah al-Mursalat, ayat 32
		إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَفِي خُسۡرٍ ٢		Surah al-A'sr, ayat 2

	RA TARKIK (NIPIS)	CONTOH		
1	Ra berbaris kasrah (ـِر) asli samaada terletak di awal, di tengah atau akhir kalimah			
	• Ra di awal kalimah	وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ٤	Diawal kalimah رِ	Surah al-Anfal, ayat 4
	• Ra di pertengahan kalimah	وَعَلَىٰٓ أَبْصَٰرِهِمْ غِشَٰوَةٌ	Dipertengahan kalimah رِ	Surah al-Baqarah, ayat 7
	• Ra di akhir kalimah	وَلَقَدْ كَذَّبَ أَصْحَٰبُ ٱلْحِجْرِ ٱلْمُرْسَلِينَ ٨٠	Diakhir kalimah رِ	Surah al-Hijr, ayat 80
2	Ra berbaris kasrah a'ridah (mendatang) dalam dua kalimah yang dibaca secara wasal			
		وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ	رِ + ا kasrah mendatang	Surah al-Muzammil, ayat 8
		وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٥٥		Surah al-Baqarah, ayat 155
3	Ra sakinah dan huruf sebelumnya berbaris kasrah dalam satu kalimah dan selepasnya tidak terdapat huruf istikla'			
		فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ	ـِـْ + ر	Surah Hud, ayat 17
		وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ		Surah al-Baqarah, ayat 50
4	Ra berbaris (رَ رِ رُ) yang dibaca wakaf, apabila			
	• Huruf sebelumnya berbaris kasrah	حَتَّىٰ زُرْتُمُ ٱلْمَقَابِرَ ٢	ـِـْ + ر	Surah at-Takathur, ayat 2
	• Ya sakinah	وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ٤٠	ي + ر	Surah al-Ma'idah, ayat 40
	• Huruf yang sakinah didahului huruf berbaris kasrah	قَالَ مُوسَىٰ مَا جِئْتُم بِهِ ٱلسِّحْرُ	ـِـْ + ـٌـْ + ر	Surah Yunus, ayat 81
5	Ra yang dibaca secara imalah (hanya terdapat pada satu tempat sahaja dalam al-Quran)	وَقَالَ ٱرْكَبُوا۟ فِيهَا بِسْمِ ٱللَّهِ مَجْرٖىٰهَا وَمُرْسَىٰهَآ	رٍ	Surah Hud, ayat 41
	Spektrum ilmu : Imalah : Bunyi pertengahan antara bunyi fathah dengan bunyi kasrah			

PELAJARAN 3 : HUKUM TAJWID - TANDA DAN JENIS WAKAF			
1. TANDA WAKAF		**Maksud Wakaf** : Memberhentikan bacaan di akhir kalimah untuk bernafas dengan tujuan menyambung bacaan semula.	
	TANDA WAKAF		**CONTOH**
1		Digalakkan wakaf	Surah al-An'am, ayat 36 إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسْمَعُونَ ۘ وَٱلْمَوْتَىٰ
2		Wakaf lebih utama	Surah an-Nisa', ayat 26 وَيَتُوبَ عَلَيْكُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ
3		Harus wakaf atau wasal	Surah Luqman, ayat 19 وَٱغْضُضْ مِن صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنكَرَ ٱلْأَصْوَٰتِ
4		Wasal lebih utama	Surah al-Hadid, ayat 1 سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ
5		Harus wakaf pada salah satu tempat	Surah al-Baqarah, ayat 2 ذَٰلِكَ ٱلْكِتَٰبُ لَا رَيْبَ ۛ فِيهِ ۛ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

PELAJARAN 3 : HUKUM TAJWID - TANDA DAN JENIS WAKAF			
2.JENIS WAKAF		**Maksud / Contoh / Cara Bacaan**	
1	**Wakaf Tam**	**Maksud**	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, dan **tidak mempunyai kaitan** dengan ayat selepasnya dari sudut **lafaz dan makna.**
		Contoh	Surah al-Baqarah, ayat 5-6 : أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾
		Cara bacaan	Wakaf pada kalimah الْمُفْلِحُونَ dan memulakan bacaan pada kalimah berikutnya.
2	**Wakaf Kafi**	**Maksud**	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi **mempunyai kaitan** dengan ayat selepasnya dari sudut **makna, bukan lafaz.**
		Contoh	Surah al-Baqarah, ayat 6-7 إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾ خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ ۖ وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةٌ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾
		Cara bacaan	Wakaf pada kalimah لَا يُؤْمِنُونَ dan memulakan bacaan dengan kalimah berikutnya.
3	**Wakaf Hasan**	**Maksud**	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi **mempunyai kaitan** dengan ayat selepasnya dari sudut **lafaz dan makna.**
		Contoh	Surah al-Fatihah, ayat 2 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾
		Cara bacaan	Wakaf pada kalimah لِلَّهِ dan tidak memulakan bacaan pada kalimah berikutnya kerana wakaf bukan pada “raksu al-ayah”(kepala ayat).
4	**Wakaf Qabih**	**Maksud**	Wakaf pada ayat yang **mengubah makna sebenar** atau yang **tidak sempurna makna,** kerana mempunyai kaitan dengan kalimah selepasnya dari sudut lafaz dan makna.
		Contoh	Surah an-Nisa’, ayat 43 يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنتُمْ سُكَارَىٰ
		Cara bacaan	Tidak harus wakaf pada kalimah الصَّلَاةَ secara sengaja.

PELAJARAN 3 : HUKUM TAJWID - JENIS IBTIDA’
Maksud Ibtida’ : Memulakan bacaan al-Quran selepas wakaf.

PEMBAHAGIAN IBTIDA’		
	Ibtida’ Hasan	**Ibtida’ Qabih**
Maksud	Memulakan bacaan pada kalimah yang dapat difahami maknanya serta tidak bersalahan dengan maksud yang dikehendaki Allah SWT.	Memulakan bacaan pada kalimah yang tidak menyampaikan maksud yang sebenar atau boleh mengubah makna yang dikehendaki Allah SWT.
Hukum bacaan	Harus	Tidak harus

PELAJARAN 4 : CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA (SURAH AL- MUKMINUN AYAT 1–11)

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾
وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾
وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾

Pengertian ayat :
Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam solat dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia- sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu. Dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain daripada yang demikian, maka merekalah orang yang melampaui batas, dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya, dan mereka yang tetap memelihara solatnya. Mereka itulah orang yang berhak mewarisi, yang akan mewarisi syurga firdaus, mereka kekal di dalamnya.

Ciri-ciri mukmin berjaya yang terdapat dalam ayat :
1. Beriman kepada Allah SWT.
2. Khusyuk dalam solat.
3. Menjauhi perbuatan dan perkataan yang sia- sia.
4. Menunaikan zakat.
5. Menjaga kehormatan diri.
6. Menjaga amanah dan janji.
7. Sentiasa memelihara solat.

1. Beriman kepada Allah SWT :
- Orang yang sentiasa meyakini bahawa hanya Allah SWT yang berhak disembah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

2. Khusyuk dalam solat
- Menumpukan sepenuh hati dan penghayatan dengan cara menetapkan anggota, memahami bacaan dan perbuatan ketika mendirikan solat.

3. Menjauhi perbuatan dan perkataan yang sia-sia
- Menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang tidak mendatangkan faedah atau perkara yang merosakkan akhlak.

a. Contoh perbuatan yang sia- sia :
- Melepak
- Merokok
- Leka bermain peranti (gajet)

b. Contoh perkataan yang sia- sia :
- Mencarut
- Berbual kosong ketika belajar

4. Menunaikan zakat
- Mengeluarkan sebahagian harta tertentu untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak.
- Zakat yang diwajibkan oleh syarak ialah zakat fitrah dan zakat harta.

5. Menjaga kehormatan diri
- Menjaga dan mengelakkan diri daripada perkara- perkara yang diharamkan oleh syarak seperti zina, sumbang mahram dan hubungan seks luar dengan tabi'i.

6. Menjaga amanah dan janji
- Menjaga tanggungjawab dalam setiap urusan. **Contohnya** dalam urusan pekerjaan, harta benda dan kerahsiaan.

7. Memelihara solat
- Menunaikan solat pada waktunya dengan menyempurnakan segala syarat dan rukunnya.

SALAH LAKU SEKSUAL

	Zina	Sumbang Mahram	Hubungan seks luar tabi'e
MAKSUD	Melakukan persetubuhan haram tanpa nikah yang sah antara lelaki dengan perempuan.	Melakukan persetubuhan haram antara lelaki dengan perempuan yang diharamkan berkahwin kerana faktor keturunan, penyusuan dan persemendaan.	Melakukan persetubuhan haram dengan cara yang bertentangan dengan tabiat semula jadi manusia.
CONTOH	Persetubuhan haram antara pasangan kekasih.	Persetubuhan haram dengan bapa kandung, bapa tiri, adik-beradik kandung atau adik-beradik tiri.	Liwat, musahaqah (lesbian), onani dan persetubuhan dengan haiwan.

Akibat salah laku seksual :
- Menggugat keharmonian hidup bermasyarakat.
- Hilang kelayakan dalam mewarisi harta pusaka bagi anak tidak sah taraf.
- Menyebabkan keruntuhan institusi keluarga.
- Menyebabkan gangguan emosi dan mental.
- Terdedah kepada penyakit fizikal seperti Aids dan Sifilis
- Mencetuskan pelbagai perbuatan jenayah.

Spektrum ilmu :
Abu Qatadah bin Rib'i meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, Allah SWT berfirman yang bermaksud :
- Sesungguhnya aku telah mewajibkan solat lima waktu ke atas umatmu (Muhammad) dan aku berjanji bahawasanya sesiapa yang datang dengan menjaga solat lima waktu pada waktunya, maka aku akan memasukkannya ke dalam syurga dan sesiapa yang tidak menjaga solat lima waktu, maka tidak ada janji di sisiku baginya.

Pengajaran ayat : Sebagai umat Islam
- Kita hendaklah meningkatkan keimanan kepada Allah SWT **dengan** melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangannya.
- Kita hendaklah menunaikan solat dengan khusyuk **agar** menjadi hamba yang bertaqwa.
- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia- sia **agar** dapat meningkatkan kualiti kerja.
- Kita hendaklah berusaha untuk menunaikan zakat **agar** dapat membantu perkembangan ekonomi umat Islam.
- Kita hendaklah menjaga kehormatan diri **supaya** diri dan keluarga terpelihara daripada penyakit berbahaya.
- Kita hendaklah menjaga amanah dan janji **agar** integriti muslim terpelihara.
- Kita hendaklah sentiasa memelihara solat **untuk** melahirkan individu yang berdisiplin.

PELAJARAN 5 : MEMAHAMI KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN (SURAH AT- TAUBAH AYAT 19-20)

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْآخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

Pengertian ayat :

Adakah kamu menyangka perbuatan memberi minum kepada orang- orang yang menunaikan haji, dan memakmurkan Masjidil Haram itu, sama seperti orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah SWT, dan Allah SWT tidak memberikan hidayah kepada kaum yang zalim. (Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah, serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka. Adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah SWT, dan mereka itulah orang yang berjaya.

Sebab turun ayat :

Menurut Nu'man bin Basyir, terdapat beberapa orang sahabat berbincang tentang amalan yang mereka utamakan selepas pembukaan Mekah. Terdapat sahabat yang akan menumpukan kepada memberikan minuman kepada orang yang menunaikan haji. Terdapat juga sahabat yang akan menumpukan usaha kepada memakmurkan Masjidil Haram. Selain itu, terdapat sahabat yang akan berjihad di jalan Allah. Percakapan mereka ditegur oleh Saidina Umar r.a kerana tidak sopan meninggikan suara di sebelah mimbar Rasulullah SAW. Kemudian, Saidina Umar r.a mengadu hal ini kepada Rasulullah SAW dan turunlah ayat tersebut.

Maksud Fekah al-Awlawiyyat

- Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.

Pelaksanaan Fekah al-Awlawiyyat dalam kehidupan :

Bidang pelaksanaan Fekah al-Awlawiyyat :

1. Ilmu dan pemikiran
2. Amalan
3. Tuntutan syarak

Prinsip asas dalam Fekah al-Awlawiyyat :

- Bersumberkan dalil syarak
- Mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syarak
- Mengambil kira keperluan semasa dan setempat
- Mengutamakan keperluan atau manfaat bersama berbanding dengan manfaat peribadi
- Mengambil kira tahap keupayaan individu

Spektrum ilmu :

a. Perkara pokok (usul)

- Ialah perkara asas dalam Islam seperti keimanan kepada Allah SWT.

b. Perkara cabang (furuk)

- Ialah perincian kepada pelaksanaan perkara pokok seperti hukum pelaksanaan solat berjemaah

1.ILMU DAN PEMIKIRAN	2.AMALAN	3.TUNTUTAN SYARAK
Prinsip am : • Mengutamakan usaha untuk menuntut imu dan memahaminya berbanding dengan melaksanakan sesuatu amalan. **Aplikasi :** 1. Mengutamakan ilmu fardhu ain berbanding dengan ilmu fardhu kifayah. **Contohnya** mengutamakan ilmu menunaikan solat yang betul berbanding dengan ilmu yang lain. 2. Mengutamakan ilmu fardhu kifayah yang menjadi keperluan semasa dan pelengkap bagi umat Islam. **Contohnya** mengutamakan mempelajari ilmu dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.	**Prinsip am :** • Mengutamakan amalan yang banyak manfaat berbanding dengan amalan yang kurang bermanfaat. **Aplikasi :** 1. Mengutamakan amalan yang banyak manfaat kepada masyarakat berbanding dengan amalan yang kurang bermanfaat mengikut keperluan dan situasi. **Contohnya** mengutamakan bersedekah berbanding dengan gotong- royong. 2. Mengutamakan aktiviti kemasyarakatan berbanding dengan ibadah sunnah yang berbentuk peribadi. **Contohnya** mengutamakan program berbentuk kebajikan masyarakat berbanding dengan memperbanyak amalan sunnah untuk peribadi.	**Prinsip am :** • Mengutamakan perkara pokok berbanding dengan perkara cabang. **Aplikasi :** 1. Mengutamakan amalan fardu ain berbanding dengan fardhu kifayah. **Contohnya** mengutamakan pelaksanaan zakat yang wajib sebelum bersedekah. 2. Mengutamakan amalan fardhu berbanding dengan amalan sunnah. **Contohnya** mengutamakan membantu ibu bapa berbanding iktikaf. 3. Menguasai akidah berbanding dengan perkara syariat. **Contohnya** mempelajari asas-asas akidah Islam terlebih dahulu sebelum memperhalus isu- isu fekah.

Kepentingan Fekah al-Awlawiyyat terhadap individu dan masyarakat:

1. Memastikan tindakan manusia terkawal dan sistematik.
2. Membuahkan hasil kerja yang berkualiti dan efektif.
3. Mengamalkan semua tuntutan Islam mengikut susunan yang tepat.
4. Mewujudkan kesejahteraan sosial dalam melestarikan pengurusan kehidupan.
5. Menyeimbangkan kehidupan masyarakat dalam pelaksanaan tuntutan syariat.
6. Mewujudkan masyarakat yang berjaya menguruskan sistem kehidupan yang cekap.

Pengajaran ayat :

Sebagai umat Islam

1. Kita hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat **kerana** keimanan ialah kunci penerimaan segala ibadah.
2. Kita hendaklah sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta **supaya** kita mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.
3. Kita hendaklah sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik **supaya** menjadi insan yang produktif.
4. Kita hendaklah sentiasa berlumba- lumba untuk melakukan kebaikan **kerana** kebaikan itu akan diberi ganjaran pada hari akhirat.

PELAJARAN 6 : KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM (SURAH AL- HUJURAT AYAT 13)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

Pengertian ayat :
Wahai manusia! sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan berpuak- puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT dalam kalangan kamu ialah orang yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah SWT maha mengetahui lagi maha mendalam pengetahuannya.

Sebab turun ayat :

- Menurut Ibnu Abbas r.a, Rasulullah SAW telah meminta Saidina Bilal bin Rabah r.a melaungkan azan semasa pembukaan kota Mekah.
- Terdapat sahabat yang telah memandang rendah kepada Saidina Bilal r.a.
- Jibril a.s telah memberitahu Rasulullah SAW perbuatan para sahabat tersebut
- Lalu Rasulullah SAW memanggil mereka dan bertanyakan tentang tindakan mereka.
- Lalu turunlah ayat ini.

KANDUNGAN AYAT

1. Tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa.	**2. Keutamaan takwa**
i. Menjalin perpaduan dan perhubungan yang harmoni. ii. Mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia tanpa mengira rupa paras dan etnik. iii. Menjalin hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam. iv. Menggalakkan interaksi dan kerjasama yang akan saling melengkapi antara satu sama lain.	i. Manusia adalah sama di sisi Allah SWT ii. Allah SWT tidak melihat jantina atau bangsa tetapi Allah SWT memandang hati dan amalan hambanya. iii. Meyakini kekuasaan Allah SWT melalui makhluk ciptaannya sebagai asas keimanan kepada Allah SWT iv. Menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan budaya kerana perkara itu merupakan sebahagian daripada perintah Allah SWT yang wajib dilaksanakan.

Pengajaran ayat :
Sebagai umat Islam

1. Kita hendaklah saling bekerjasama **untuk** membina kehidupan yang harmoni.
2. Kita hendaklah menghormati kepelbagaian budaya **supaya** wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat.
3. Kita hendaklah berusaha untuk membaiki akhlak **supaya** menjadi insan yang bertaqwa.

PELJARAN 7 : SETIAP ORANG ADALAH PEMIMPIN

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يَقُوْلُ : سَمِعْتُ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ : كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، اَلْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْؤُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِيْ أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْؤُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِيْ بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْؤُوْلَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِيْ مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْؤُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، – قَالَ : وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ : وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِيْ مَالِ أَبِيْهِ وَمَسْؤُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ – وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْؤُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ . (رواه البخاري)

Pengertian Hadis :

Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu bertanggungjawab atas kepimpinannya. Imam itu ialah **pemimpin** dan bertanggungjawab atas kepimpinannya, dan **lelaki** itu ialah pemimpin dalam keluarganya dan bertanggungjawab atas kepimpinannya, dan **perempuan** itu ialah pemimpin dalam rumah tangganya dan bertanggungjawab atas kepimpinannya, Dan **pekerja** itu ialah pemimpin bagi harta majikannya dan bertanggungjawab atas kepimpinannya. Dia berkata : Aku menyangka bahawa sesungguhnya baginda juga bersabda : Dan lelaki itu ialah pemimpin bagi harta benda ayahnya dan bertanggungjawab atas kepimpinannya, dan kamu semua ialah pemimpin dan bertanggungjawab atas pimpinannya.

Tanggungjawab Setiap Individu :
1. Pemimpin
2. Suami
3. Isteri
4. Pekerja
5. Anak

1. Tanggungjawab Pemimpin :
- Berlaku adil dan menghapuskan kezaliman.
- Menegakkan syariat Islam.
- Menyusun sistem pentadbiran yang cekap dan amanah.
- Menyediakan infrastruktur yang lengkap.
- Bersikap toleransi terhadap orang bawahan.

2. Tangggungjawab Suami :
- Memberikan nafkah kepada anggota keluarga.
- Memberikan didikan agama kepada isteri dan anak-anak.
- Memberikan perlindungan dan menjaga keselamatan anggota keluarga.
- Melayan dan bergaul dengan isteri dan anak-anak dengan baiknya.

3. Tanggungjawab Isteri :
- Mentaati suami dan menunaikan haknya.
- Menjaga maruah diri, suami dan keluarga.
- Memelihara dan mendidik anak-anak.
- Menguruskan rumah tangga.

4. Tanggungjawab Pekerja :
- Mengikut arahan ketua.
- Bekerja dengan penuh integriti.
- Bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.
- Melaksanakan tugas dengan sempurna.

5. Tanggugjawab Anak :
- Berbakti kepada ibu bapa sewaktu mereka masih hidup atau telah meninggal dunia.
- Sentiasa mendoakan mereka.
- Sentiasa membantu mereka dengan sebaik-baiknya
- Sentiasa berbuat baik dengan ibu bapa dan menyambung silaturahim dengan rakan-rakan mereka.

Spektrum Ilmu :
Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
- (Wajib atas seorang muslim) mendengar dan mentaati perkara yang dia suka atau benci, jika tidak disuruh melakukan maksiat.
- Jika disuruh melakukan maksiat, maka tidak wajib dengar dan tidak wajib taat.

Spektrum Ilmu :
Antara nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya dalam surah Luqman, ayat12-19 :
- Mengesakan Allah SWT.
- Berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa.
- Sentiasa bersyukur kepada Allah SWT dan menghargai kedua-dua ibu bapa.
- Setiap perbuatan (baik atau jahat) akan diberi balasan oleh Allah SWT.
- Dirikan solat.
- Laksanakan amar makruf dan nahi munkar.
- Bersabar atas segala musibah.
- Menjauhi sikap sombong.
- Elokkan percakapan.

Pengajaran Hadis : Sebagai umat Islam :
- Kita hendaklah menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin yang akan dipertanggungjawab di akhirat kelak.
- Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin **dengan** adilnya dan amanah.
- Kita hendaklah memelihara dan melindungi anggota keluarga **agar** selamat di dunia dan di akhirat.
- Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap segala urusan keluarga dan rumah tangga **agar** kekal harmoni.
- Kita hendaklah sentiasa bersikap amanah dalam pekerjaan **supaya** rezeki diberkati.
- Kita hendaklah berbakti kepada ibu bapa semasa mereka hidup atau setelah mereka meninggal dunia **kerana** jasa mereka tidak terbalas.
- Kita hendaklah mencontohi sunnah Rasulullah SAW dalam segala aspek kehidupan **kerana** baginda ialah contoh ikutan yang terbaik.

PELAJARAN 8 : TUJUH GOLONGAN YANG MENDAPAT NAUNGAN ALLAH SWT

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ اِلَّا ظِلُّهُ، اَلْاِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِيْ عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِيْ الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ : اِنِّيْ أَخَافُ اللهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِيْنُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ. (متفق عليه)

Pengertian hadis :
Tujuh golongan manusia yang mendapat naungan Allah SWT pada hari yang tidak ada naungan kecuali naungannya, pemimpin yang adil, dan pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT, dan seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid, dan dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT, dan seseorang lelaki yang diajak berzina oleh seorang perempuan kaya dan cantik, lalu dia menolak sambal berkata : "aku takut pada Allah SWT", dan seseorang yang bersedekah secara sembunyi, sehingga tangan kiri tidak mengetahui sedekah yang diberikan oleh tangan kanannya, dan seseorang yang secara bersendirian mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata.

Tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT :

1. Pemimpin yang adil
2. Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT
3. Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid
4. Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.
5. Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.
6. Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.
7. Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata.

Maksud naungan :

- Mendapat perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari di Padang Mahsyar.

(fathul Bari)

1. Pemimpin yang adil

Maksud :

- Pemimpin yang menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dibawah pimpinannya berpandukan al-Quran dan hadis.

Contoh :

- Memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi.
- Mencegah kemungkaran daripada berleluasa

Spektrum ilmu :

- Firman Allah SWT : Surah Al-Mumtahanah ayat 8 yang bermaksud : Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.

2. Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT

Maksud :

- Pemuda yang memenuhi masa dengan melakukan ibadah kepada Allah SWT sama ada ibadah wajib atau sunat

Contoh :

- Melaksanakan tuntutan solat lima waktu dan ibadah puasa dengan sempurnanya.
- Melazimi qiammullail, membaca al-Quran dan berzikir.

3. Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid

Maksud :

- Seseorang yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadah dan kebajikan .

Contoh :

- Menunaikan solat fardu secara berjemaah.
- Menyertai aktiviti di masjid seperti majlis ilmu dan program sukan dan riadah.

Spektrum ilmu :

- Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
  Barangsiapa yang pergi ke masjid atau pulang, Allah SWT akan menyediakan baginya tempat di dalam syurga setiap kali pergi atau pulang.

4. Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.

Maksud :

- Dua orang yang bersahabat berasaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Contoh :

- Saidina Abu Bakar sentiasa mendampingi Rasulullah SAW ketika berhadapan dengan pelbagai ujian semasa berhijrah ke Madinah.
- Persaudaraan antara kaum Muhajirin dan Ansar sehingga sanggup menawarkan harta, tenaga dan tempat tinggal.

PELAJARAN 8 : TUJUH GOLONGAN YANG MENDAPAT NAUNGAN ALLAH SWT

5. Seseorang yang membenci maksiat kerana takut kepada Allah SWT

Maksud :

- Seseorang yang membenci dan menjauhi semua perbuatan yang melanggar suruhan Allah SWT atau meninggalkan larangan sama ada dalam bentuk lisan, perbuatan atau hati

Contoh :

- Menjauhi perbuatan mencuri
- Menghindari pergaulan bebas tanpa batasan

6. Seseorang yang menyembunyikan bersedekah

Maksud :

- Sesuatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT semata-mata tanpa mengharapkan pujian manusia.

Contoh :

- Memberikan sumbangan kewangan secara perbankkan dalam talian.
- Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid.

Spektrum ilmu :

Firman Allah SWT : Surah Al-Baqarah ayat 271 yang bermaksud :

- Jika kamu zahirkan sedekah itu, maka itu adalah baik, dan jika kamu sembunyikan sedekah itu serta diberikan kepada fakir miskin, maka ia adalah baik bagi kamu. Dan Allah akan menghapuskan daripada kamu sebahagian daripada kesalahanmu. Dan Allah maha mengetahui apa yang kamu lakukan.

7. Seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menistiskan air mata.

Maksud :

- Seseorang yang mengingati Allah SWT sama ada melalui hati atau lisan dengan penuh ikhlas dan rasa takut kepadanya.

Contoh :

- Beristighfar dengan mengharapkan keampunan Allah SWT sehingga mengalir air mata mengenangkan dosa yang dilakukan.

Spektrum ilmu :

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

- Perbaharuilah imanmu. Baginda ditanya bagaimanakah kami dapat memperbaharui iman kami? Baginda bersabda "perbanyakkanlah menyebut Lailahaillah" (Riwayat Ahmad dan al-Hakim)

Pengajaran hadis
Sebagai umat Islam :

- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan **kerana** sikap tersebut merupakan suruhan Allah SWT.
- Kita hendaklah memanfaatkan usia muda **dengan** mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid **agar** syiar Islam dapat ditegakkan.
- Kita hendaklah saling mengasihi **supaya** masyarakat hidup aman damai.
- Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat **agar** selamat daripada kemurkaan Allah SWT
- Kita hendaklah berusaha memperbanyak sedekah **kerana** amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa.
- Kita hendaklah melazimi amalan zikrullah **agar** jiwa kita tenang.

PELAJARAN 9 : ALLAH MAHA MENGAWASI (AR-RAQIB) DAN MAHA MENYAKSIKAN (AS-SYAHID)

UNIT 1 :

Maksud Ar-Raqib :

- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT maha mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk.

Spektrum Ilmu :

- Keimanan kepada sifat Ar-Raqib akan menjadikan seorang hamba sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin.
- Berusaha melakukan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya kerana merasakan Allah SWT sentiasa mengawasinya.
- Syair Arab ada menyatakan : Jika suatu hari kamu sedang bersendirian, maka janganlah kamu berkata "aku sendirian, akan tetapi katakanlah ada Allah SWT yang mengawasiku" dan janganlah sesekali kamu menyangka bahawa Dia akan lalai sesaat pun.

Dalil nakli nama Allah Ar-Raqib

1. Firman Allah SWT : Surah Al-Maidah ayat 117 yang bermaksud :

- Kemudian apabila engkau sempurnakan tempohku, menjadilah engkau sendiri yang mengawasi keadaan mereka, dan engkau jualah yang menjadi saksi atas tiap-tiap sesuatu.

2. Abdullah bin As-Somat meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

- Iman yang paling afdhal bahawa engkau mengetahui Allah SWT bersamamu walau dimana engkau berada. (Riwayat at-Tabrani dan Abu Naim)

Bukti Allah SWT bersifat Ar-Raqib

1. Allah SWT maha mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya .
   - Firman Allah SWT : Surah Al-Ahzab ayat 52 yang bermaksud :
   - Allah sentiasa mengawasi setiap sesuatu.
2. Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.
   - Firman Allah : Surah An-Nisa ayat 1 yang bermaksud ;
   - Allah sentiasa mengawasi kamu

PELAJARAN 9 : ALLAH MAHA MENGAWASI (AR-RAQIB) DAN MAHA MENYAKSIKAN (AS-SYAHID)

UNIT 2 :

Maksud As-Syahid :

- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT maha menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatupun yang tersembunyi daripada-Nya.

Dalil nakli nama Allah SWT As-Syahid :

1. Allah berfirman : Surah Al-An'am ayat 19 yang bermaksud :
   - Bertanyalah, "apakah sesuatu yang lebih besar persaksiannya?" katakanlah, Allah menjadi saksi antaraku dengan kamu,..
2. Abu Hurairah meriawatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
   - Sesungguhnya seorang lelaki Israil telah meminta daripada salah seorang mereka untuk meminjam wang sebanyak seribu dinar. Maka dia pun mengatakan, " Datangkan kepadaku seorang saksi agar dia menyaksikan bahawa kamu telah meminjam daripadaku seribu dinar. Maka lelaki tersebut pun menjawab, "Cukuplah hanya Allah SWT menjadi saksi".. (Riwayat al-Bukhari)

Bukti Allah SWT bersifat As-Syahid :

1. Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya.
   - Firman Allah : Surah Al-Fath ayat 28 yang bermaksud :
   - Dialah yang telah mengutus rasul-Nya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar, supaya dia memenangkannya keatas segala bawaan agama yang lain, dan cukuplah Allah menjadi saksi.
2. Allah SWT maha menyaksi dan mengetahui segala amal perbuatan manusia.
   - Firman Allah : Surah Al-Mujadalah ayat 6 yang bermaksud :
   - Semasa mereka semua dibangkitkan hidup semula oleh Allah, lalu diterangkan kepada mereka segala yang mereka telah kerjakan. Allah telah menghitung amal-amal mereka itu satu persatu, sedang mereka telah melupakannya. Dan Allah menjadi saksi akan tiap-tiap sesuatu.
3. Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau yang tersembunyi.
   - Firman Allah : Surah Fussilat ayat 53 yang bermaksud :
   - Belumkah cukup bagi mereka bahawa tuhanmu menegetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?
4. Allah SWT menjadi saksi perhubungan orang-orang munafik.
   - Firman Allah : Surah Al-Munafikun, ayat 1 yang bermaksud :
   - Apabila orang munafik datang kepadamu, mereka berkata: "kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau sebenar-benarnya Rasulullah. Dan Allah sememangnya mengetahui bahawa engkau ialah rasul-Nya, serta Allah menyaksiakan bahawa sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta".

PELAJARAN 10 : AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH (ASWJ)

Takrif Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)

- Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariah dan akhlak.

Nama-nama kumpulan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang mahsyur ialah :

- Ahlul Hadis
- As-Salafus Soleh
- Al-Asha'irah
- Al-Maturidiah
- As-Sawadul A'zam

Prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

1. Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman.
2. Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah SWT, namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukannya ataupun tidak serta dihitung baginya dosa atau pahala.
3. Meyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan as-sunnah antaranya termasuklah persoalan kubur, hari akhirat, titian sirat, mizan, malaikat, jin dan sebagainya.
4. Meyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud, sebelum dijadikan makhluk. Kewujudan syurga dan neraka adalah kekal selama-lamanya.
5. Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin tuhannya, termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana mereka masih dikira beriman.
6. Perutusan para nabi dan rasul adalah harus bagi Allah SWT dan merupakan rahmat Allah kepada manusia.

Spektrum ilmu :

Firman Allah, surah al-An'am ayat 153 yang bermaksud :

- Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanku yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (lain daripada Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu daripada jalan Allah SWT.

Kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah :

1. Mendapat keredhaan Allah SWT.
2. Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan.
3. Memelihara kesucian agama Islam .
4. Menjamin keamanan negara.
5. Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat.
6. Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan.
7. Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau.

Isu	Ahli Sunnah Wal Jamaah	Aliran yang lain
Adakah Al-Quran makhluk?	Meyakini bahwa Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang bersifat qadim (sedia ada).	**Muktazilah** : Mengatakan bahawa Al-Quran adalah makhluk yang bersifat hadis (baharu).
Melihat Allah SWT	Meyakini bahawa semua orang beriman dapat melihat Allah SWT pada hari akhriat kelak.	**Muktazilah** : Mengatakan bahawa adalah mustahil makhluk boleh melihat Allah SWT kerana Allah tidak menyerupai makhluk.
Pelaku dosa besar	Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.	**Khawarij** : Pelaku dosa besar dianggap kafir. **Muktazilah** : Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka.
Qada' dan Qadar	Meyakini bahawa setiap perkara baik dan buruk datang daripada Allah SWT dan Allah SWT mengurniakan manusia akal untuk berfikir dengan berikhtiar untuk memilih antara baik dengan buruk.	**Muktazilah** : Meyakini bahawa setiap perkara baik dan buruk datangnya daripada manusia semata-mata
Kedudukan iman	Ahli Sunnah Wal Jamaah mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan.	**Khawarij & Muktazilah** : Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran.

PELAJARAN 10 : AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH (ASWJ)

ALIRAN YANG BERTENTANGAN DENGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

<table>
<tr><th>SYIAH</th><th>KHAWARIJ</th><th>MUKTAZILAH</th></tr>
<tr>
<td>Sejarah Syiah :

• Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW dan berkeyakinan bahawa hanya ahlil bait (keluarga Rasulullah) sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah.</td>
<td>Sejarah Khawarij :

• Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan majlis tahkim.</td>
<td>Sejarah Muktazilah :

• Kumpulan yang diasaskan oleh Wasil bin Ata’ setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan Al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar.</td>
</tr>
<tr>
<td>Prinsip utama :

Antara prinsip syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah termasuklah :

1. Meyakini bahawa Al-Imamah merupakan rukun agama dan telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan rasulnya secara nas.
2. Meyakini bahawa iman-imam adalah maksum, iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar.
3. Menyanjung Saidina Ali secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW.
4. Mengamalkan al-Takiyah iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya.
5. Menambah nama Saidina Ali dalam syahadat selepas nama Nabi Muhammad SAW.</td>
<td>Prinsip Utama:

Antara prinsip utama khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah termasuklah :

1. Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.
2. Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan majlis tahkim.
3. Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.
4. Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.

Spektrum ilmu :

Ciri-ciri pemikiran Khawarij telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sahal bin Hunaif bahawa Rasulullah SAW bersabda (sambil baginda menunjuk ke arah Iraq) yang bermaksud :
• Dari sanalah muncul sekelompok kaum yang membaca al-Quran tidak melebihi kerongkong mereka, mereka keluar dari Islam sebagaimana anak panah keluar dari busurnya.
(Riwayat al-Bukhari)</td>
<td>Prinsip Utama :

Antara prinsip muktazilah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah termasuklah :

1. At-Tauhid : Menafikan sifat ma’ani pada zat Allah SWT.
2. Al-Adl : Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT.
3. Al-Wa’du wal wa’id : Meyakini bahawa Allah SWT wajib memberikan balasan baik kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat .
4. Al-Manzilah baina Manzilataini : Meyakini bahawa pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal didalam neraka.
5. Al-Amru bil Makruf wannahi Anil Munkar : Meyakini bahawa menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib ditegakkan dalam keadaan apa sekalipun.</td>
</tr>
</table>

PELAJARAN 11 : SOLAT SUNAT ISTIKHARAH DAN SOLAT SUNAT TASBIH

UNIT 1 : SOLAT SUNAT ISTIKHARAH

- **Maksud Solat Sunat Istikharah :**
  Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT dalam menentukan pilihan bagi sesuatu peraka.

- **Hukum Solat Sunat Istikharah :**
  Sunat

Kaifiah / cara menunaikan Solat Sunat Istikharah :

- Lafaz niat : أصلى سنة الاستخارة ركعتين لله تعالى
- Maksud lafaz niat : Sahaja aku solat sunat istikharah dua rakaat kerana Allah Ta'ala.
- Bilangan rakaat : 2 rakaat
- Cara Pelaksanaan : Bersendirian

Bacaan dalam solat	**Rakaat pertama**	**Rakaat kedua**
	Surah Al-Fatihah	
	Surah Al-Kafirun atau surah lain	Surah Al-Ikhlas atau surah lain
Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam		
Berdoa dengan doa yang sesuai		

Dalil nakli solat sunat Istikharah :

Jabir bin Abdullah Al-Ansari meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah menagajarkan kami tentang istikharah. Baginda bersabda yang bermaksud :

- Jika salah seorang daripada kalian gusar tentang sesuatu perkara maka dirikanlah solat sunat dua rakaat selain daripada yang difardhukan.
  (Riwayat Muslim)

Hikmah menunaikan Solat Sunat Istikharah :

1. Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan.

2. Mendidik umat Islam agar sentiasa memohon sesuatu kepada Allah SWT terutama dalam membuat keputusan.

3. Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik dengan memohon bantuan selain Allah SWT seperti kepada bomoh.

Doa Istikharah :

Rasulullah SAW telah mengajar Jabar bin Abdullah dengan doa ini :
Maksud : Ya Allah, sesungguhnya aku memohon petunjuk daripadamu dengan ilmumu, dan aku memohon ketetapan dengan kekuasaanmu, dan aku memohon diberikan daripada kurniaanmu yang agung, sesungguhnya engkau berkuasa dan aku tidak berkuasa, engkau mengetahui sedangkan aku tidak mengetahui dan engkau maha mengetahui perkara ghaib. Ya Allah, seandainya engkau mengetahui perkara ini (…..) ialah sesuatu yang baik kepadaku dalam agamaku, kehidupanku dan akibat perbuatanku ini, atau baik dalam waktu terdekat ini dan masa depan, maka tetapkanlah dan permudahkanlah untukku, berkatilah aku dengannya, dan apabila engkau mengetahui perkara ini (….), tidak baik untukku, jauhkannya daripadaku dan jauhkanlah aku daripadanya, tetapkanlah kebaikan kepadaku dimana-mana sahaja kebaikan ini berada dan redhakanlah aku dengannya.

PELAJARAN 11 : SOLAT SUNAT ISTIKHARAH DAN SOLAT SUNAT TASBIH

UNIT 2 : SOLAT SUNAT TASBIH

- **Maksud Solat Sunat Tasbih :**
  Solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbih sebanyak 300 kali pada keseluruhan solat.

- **Hukum Solat Sunat Tasbih :**
  Sunat

Dalil nakli Solat Sunat Tasbih :

Rasulullah SAW mengajar kepada al-Abbas tentang amalan yang dapat menghapuskan dosa. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : Engkau solat sebanyak 4 rakaat, engkau baca pada setiap rakaat Al-Fatihah dan surah. Apabila engkau telah selesai membaca pada rakaat pertama dan ketika itu engkau masih berdiri, maka ucapkanlah "Subhanallah Walhamdulillah Wala Ilaaha Illallah Allahu Akbar" 15 kali kemudian engkau ruku' dan bacalah (zikir tersebut) sebanyak 10 kali. Kemudian engkau bangkit dari ruku' dan bacalah sebanyak 10 kali. Kemudian engkau sujud dan bacalah 10 kali. Kemudian engkau bangkit daripada sujud bacalah sebanyak 10 kali. Kemudian engkau sujud semula, bacalah sebanyak 10 kali. Kemudian engkau bangkit daripada sujud bacalah sebanyak 10 kali. Kesemuanya adalah 75 kali yang engkau lakukan sebanyak empat rakaat. Kalau engkau mampu untuk menunaikannya, maka lakukanlah sehari sekali. Jika tidak mampu, maka lakukan pada setiap hari jumaat. Kalau tidak mampu juga lakukanlah sebulan sekali. Jika tidak mampu, lakukan sekali seumur hidup.

Hikmah menunaikan Solat Sunat Tasbih :

1. Mendapat keampunan **kerana** mengamalkan sunnah Rasulullah SAW.
2. Meraih ganjaran yang besar daripada Allah SWT **kerana** banyak bertasbih.
3. Memberi ketenangan jiwa **kerana** banyak berzikir kepada Allah SWT.

Kaifiat / cara solat Sunat Tasbih dengan satu salam :

- Niat : Lafaz niat empat rakaat : (4 rakaat 1 salam) أصلى سنة التسبيح أربع ركعان لله تعالى
- Maksud lafaz niat : Sahaja aku solat sunat tasbih empat rakaat kerana Allah Ta'ala.
- Bilangan rakaat : 4 rakaat dengan satu salam sekiranya dilakukan pada waktu siang
- Cara Pelaksanaan : Bersendirian atau berjemaah

	Rakaat pertama	Rakaat kedua	Rakaat ketiga	Rakaat keempat
Bacaan dalam solat	Surah Al-Fatihah			
	Surah Al-Kafirun atau surah lain Bertasbih sebanyak 15 kali.	Surah Al-Ikhlas atau surah lain Bertasbih sebanyak 15 kali.	Bertasbih sebanyak 15 kali.	Bertasbih sebanyak 15 kali.
	Ruku' – bertasbih sebanyak 10 kali I'tidal – bertasbih sebanyak 10 kali Sujud – bertasbih sebanyak 10 kali Duduk antara dua sujud – bertasbih sebanyak 10 kali Sujud kedua – bertasbih sebanyak 10 kali.			
	Rakaat pertama	Rakaat kedua	Rakaat ketiga	Rakaat keempat
	Duduk istirahah sebelum bangun untuk rakaat kedua, Bertasbih sebanyak 10 kali	Duduk tasyahud / tahyat awal dan membaca tahyat. Bertasbih sebanyak 10 kali.	Duduk istirahah sebelum bangun untuk rakaat keempat, Bertasbih sebanyak 10 kali.	Duduk tasyahud akhir dan membaca tahyat. Bertasbih sebanyak 10 kali.
				Memberi salam

Kaifiat / cara solat Sunat Tasbih dengan dua salam :

- Niat : Lafaz niat dua rakaat : (4 rakaat 2 salam) أصلى سنة التسبيح ركعتين لله تعالى
- Maksud lafaz niat : Sahaja aku solat sunat tasbih dua rakaat kerana Allah Ta'ala
- Bilangan rakaat : 4 rakaat dengan 2 salam sekiranya dilakukan pada waktu malam.
- Cara Pelaksanaan : Bersendirian atau berjemaah

	Rakaat pertama	Rakaat kedua
Bacaan dalam solat	Surah Al-Fatihah	
	Surah Al-Kafirun atau surah lain Bertasbih sebanyak 15 kali	Surah Al-Ikhlas atau surah lain Bertasbih sebanyak 15 kali
	Ruku' – bertasbih sebanyak 10 kali I'tidal - bertasbih sebanyak 10 kali Sujud - bertasbih sebanyak 10 kali Duduk antara dua sujud - bertasbih sebanyak 10 kali Sujud kedua - bertasbih sebanyak 10 kali	
	Rakaat pertama	Rakaat kedua
	Duduk istirahah sebelum bangun untuk rakaat kedua, bertasbih sebanyak 10 kali.	Duduk tasyahud awal dan membaca tahyat, bertasbih sebanyak 10 kali.
		Memberi salam

PELAJARAN 12 : PERKAHWINAN

Maksud perkahwinan :

- Akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syara'.

Dalil perkahwinan :

1. Allah berfirman : Surah An-Nur ayat 32 yang bermaksud :

- Dan kahwinkanlah orang bujang dalam kalangan kamu dan orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan

2. Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

- Wahai pemuda! Sesiapa yang berkemampuan dalam kalangan kamu menyediakan belanja kahwin, maka hendaklah berkahwin kerana berkahwin itu dapat menutup pandangan (daripada melihat maksiat) dan memelihara kemaluan (daripada melakukan zina). Sesiapa yang tidak mampu, maka hendaklah berpuasa. Sesungguhnya puasa itu dapat mengurangkan hawa nafsu.

Hukum berkahwin :

1. Harus
   - Tiada desakan atau halangan untuk berkahwin.
2. Sunat
   - Mempunyai keinginan untuk berkahwin dan mampu menyediakan nafkah zahir dan batin.
3. Wajib
   - Bimbang akan terjerumus ke dalam kemaksiatan sekiranya tidak berkahwin dan mampu untuk memberikan nafkah zahir dan batin.
4. Makruh
   - Mempunyai keinginan untuk berkahwin tetapi tidak mampu memberikan nafkah untuk pasangannya seperti menghidap mati pucuk atau berpenyakit.
5. Haram
   - Bertujuan untuk menzalimi atau memudharatkan pasangannya.

Hikmah perkahwinan :

1. Memenuhi tuntutan batin yang merupakan fitrah manusia
2. Memelihara diri daripada keruntuhan akhlak dan pelbagai gejala sosial yang boleh mencemarkan maruah.
3. Memelihara keturunan yang baik untuk generasi akan datang.
4. Mewujudkan ketenangan jiwa melalui hubungan cinta yang halal.
5. Menghindari perbuatan seks secara bebas yang boleh membawa jangkitan penyakit.
6. Menjalinkan hubungan persaudaraan antara kedua-dua belah keluarga suami dan isteri.

Golongan wanita yang haram dikahwini :

1. Haram selama-lamanya :
   - Keturunan
   - Penyusuan
   - Persemendaan
2. Haram sementara

Wanita yang haram dikahwini – Haram selama-lamanya

1. Keturunan	2. Penyusuan	3. Persemendaan
1. Ibu 2. Nenek dan ke atas. 3. Anak perempuan 4. Cucu perempuan 5. Adik-beradik perempuan seibu bapa atau sebapa atau seibu 6. Anak perempuan daripada adik-beradik lelaki atau adik beradik perermpuan sama ada seibu sebapa, sebapa atau seibu 7. Ibu saudara 8. Nenek saudara	1. Ibu susuan 2. Ibu bagi ibu susuan dan keatas 3. Ibu bagi suami ibu susuan dan keatas 4. Anak-anak ibu susuan 5. Adik-beradik susuan 6. Anak saudara daripada adik-beradik susuan 7. Adik-beradik ibu sususan 8. Adik-beradik bagi suami ibu susuan	1. Ibu tiri dan keatas 2. Ibu mentua (nasab atau susuan) 3. Anak tiri apabila ibunya telah disetubuhi 4. Menantu perempuan dan kebawah

Wanita yang haram dikahwini – Haram sementara

1. Mengahwini perempuan yang ada hubungan nasab isteri dalam satu masa.
2. Perempuan yang masih isteri orang.
3. Perempuan musyrik sehingga dia masuk Islam.
4. Isteri yang telah ditalak tiga sebelum dia berkahwin kemudian bercerai dan habis tempoh iddah dengan suami baharu.

PELAJARAN 12 : PERKAHWINAN

Rukun nikah : (SISWA)
1. Bakal suami
2. Bakal isteri
3. Wali
4. Dua orang saksi
5. Lafaz akad nikah (sighah), iaitu ijab dan kabul

Syarat rukun nikah :

1. Bakal suami
- Maksud suami : Lelaki yang dikahwini seseorang perempuan

Syarat bakal suami :
- Islam
- Lelaki yang telah dikenal pasti
- Bukan mahram kepada bakal isteri seperti mahram nasab, penyusuan atau persemendaan
- Tidak dalam keadaan ihram haji atau umrah
- Tidak mempunyai 4 orang isteri pada satu masa.

4. Dua orang saksi
- Maksud saksi : Orang yang menyaksikan dan boleh mengesahkan akad nikah.

Syarat saksi :
- Islam
- Lelaki
- Baligh
- Berakal
- Adil
- Pendengar yang baik
- Penglihatan yang baik
- Merdeka

2. Bakal isteri
- Maksud isteri : Perempuan yang dikahwini oleh seseorang lelaki

Syarat bakal isteri :
- Islam
- Perempuan yang telah dikenal pasti
- Bukan mahram kepada bakal suami seperti mahram nasab, penyusuan atau persemendaan.
- Bukan dalam keadaan ihram haji atau umrah.
- Bukan isteri orang atau dalam iddah talak raji'i

5. Lafaz akad nikah (sighah)
- Maksud akad nikah (sighah) :
- Ijab ialah lafaz yang diucapkan oleh wali atau wakilnya.
- Kabul ialah lafaz yang diucapkan oleh bakal suami atau wakilnya.

Contoh :
- Ijab : "aku nikahkah engkau dengan anak perempuanku …"
- Kabul : "aku terima nikahnya anak perempuanmu…"

Syarat lafaz akad nikah (sighah)
- Menggunakan lafaz 'kahwin' atau 'nikah' atau terjemahan yang tepat daripada kedua-duanya.
- Lafaz ijab dan kabul hendaklah jelas dan bukan secara kiasan.
- Ijab dan kabul hendaklah berturutan dan tidak diselangi dengan perkataan lain.
- Lafaz akad nikah hendaklah berkuat kuasa serta-merta kesannya.
- Kelayakan wali dan bakal suami berkekalan sehingga selesai akad.
- Tidak dibataskan dengan tempoh masa.

3. Wali
- Maksud wali : Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan.

Syarat wali :
- Islam
- Lelaki
- Baligh
- Berakal
- Adil iaitu tidak melakukan dosa besar atau melakukan dosa kecil secara berterusan
- Merdeka
- Tidak dalam keadaan ihram haji atau umrah
- Tidak dipaksa mewalikan
- Tiada penyakit yang mencacatkan fikiran seperti nyanyuk atau gila.
- Mampu memelihara dan menguruskan hartanya.

Susunan wali :
1. Bapa
2. Datuk sebelah bapa dan keatas
3. Adik-beradik lelaki seibu sebapa
4. Adik-beradik lelaki sebapa
5. Anak saudara lelaki daripada adik-beradik lelaki seibu sebapa
6. Anak saudara lelaki daripada adik-beradik lelaki sebapa
7. Anak lelaki kepada anak saudara lelaki seibu sebapa
8. Anak lelaki kepada anak saudara lelaki sebapa
9. Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa
10. Bapa saudara sebelah bapa sebapa
11. Sepupu lelaki daripada bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa
12. Sepupu lelaki daripada bapa saudara sebelah bapa sebapa.
13. Wali hakim

Contoh lafaz akad nikah yang tidak sah :

1. Lafaz akad nikah yang kesannya tertangguh pada masa hadapan.
   Contoh : Wali melafazkan : "Apabila tiba bulan Ramadan, aku kahwinkan engkau dengan anak perempuanku".
2. Lafaz taklik. (bersyarat)
   Contoh : Wali melafazkan : "Sekiranya anak perempuanku berjaya dalam peperiksaan, aku kahwinkan engkau dengannya."
3. Wali pengsan setelah melafazkan ijab dan sebelum bakal suami melafazkan ucapan kabul.

Susunan wali
- **Wali Nasab (Nombor 1-12)**

- **Wali mujbir (Nombor 1 & 2)**

Bapa dan datuk berhak mengahwinkan perempuan yang masih gadis tanpa persetujuannya dengan syarat bakal suami sekufu dengannya.

- **Wali bukan mujbir (Nombor 3-12)**

Selain bapa dan datuk seperti adik beradik lelaki seibu sebapa atau sebapa yang boleh mengahwinkannya.

- **Wali hakim (Nombor 13)**

Orang yang diberi kuasa oleh Sultan atau pemerintah untuk mengahwinkan perempuan ketika ketiadaan wali.

Sebab-sebab perpindahan wali nasab kepada wali hakim :

1. Tidak mempunyai wali nasab
2. Wali nasab berada jauh melebihi dua marhalah
3. Wali hilang dan tidak dapat dikesan
4. Saudara baharu (mualaf) yang tiada wali nasab yang layak
5. Anak tidak sah taraf
6. Wali dalam ihram haji atau umrah
7. Wali enggan mewalikan pernikahan
8. Wali sendiri yang hendak berkahwin dengan perempuan tersebut dan tiada wali lain yang setaraf (sepupu lelaki yang akan mengahwini sepupu perempuan)

PELAJARAN 12 : PERKAHWINAN

PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM

Ciri-ciri pemilihan calon suami isteri :

- Penghayatan agama yang baik
- Akhlak yang mulia
- Keturunan yang baik
- Sekufu
- Pasangan yang sihat
- Rupa paras yang baik

Daripada Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

Perempuan itu dikahwini kerana empat perkara iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya, dan kerana agamanya. Maka pilihlah perempuan yang beragama, kamu akan mendapat kebaikan.

Maksud Kufu :
Persamaan taraf lelaki dan perempuan daripada pelbagai aspek seperti :

- Agama dan kesolehan
- Pekerjaan
- Keturunan
- Keilmuan

Maksud Mahar :

- Pemberian yang bernilai atau berfaedah, yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya dengan sebab akad nikah.

Hukum mahar :

- Wajib

Maksud merisik :

- Proses sebelum meminang untuk mengenal pasti status bakal isteri

Maksud meminang :

- Lamaran seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk dijadikan calon isteri menurut uruf setempat.

Meminang boleh dilakukan dengan cara :

1. Berterus terang seperti lafaz :
   - "Aku ingin mengahwini kamu"
2. Kiasan seperti lafaz :
   - "Saya ingin memetik bunga di taman"

Hukum melihat perempuan yang hendak dipinang :

- Sunat

Anggota yang harus dillihat :

- Muka
- Kedua tapak tangan

Hukum menyebut mahar :

- Sunat

Kadar mahar :

- Mahar tidak mempunyai kadar yang tertentu dan tidak semestinya dalam bentuk tunai.

Bentuk mahar :

- Sesuatu yang bernilai atau berfaedah, sah dijadikan mahar seperti duit dan emas.

Maksud Walimatul Urus :

- Kenduri yang diadakan sempena perkahwinan

Hukum mengadakan Walimatul Urus :

- Sunat muakad

Tujuan pensyariatan Walimatull Urus:

- Mensyukuri nikmat Allah SWT atas perkahwinan yang didirikan.
- Merapatkan hubungan silaturahim
- Menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat untuk menghindarkan sebarang fitnah.

Hukum memenuhi undangan Walimatul Urus :

- Fardhu ain

Anas bin Malik meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya :

- Nabi Muhammad SAW telah terlihat kesan sejenis bauan pada Abdul Rahman bin Auf. Maka baginda bertanya : Apakah ini? Jawab Abdul Rahman : Wahai Rasulullah, aku telah berkahwin dengan seorang perempuan maharnya dengan emas seberat sebiji tamar. Sabda baginda : Semoga Allah memberkatimu, buatlah kenduri, walaupun dengan menyembelih seekor kambing.
  (Riwayat Muslim)

Adab Walimatul Urus :

1. Tuan rumah tidak mengkhususkan jemputan kepada orang kaya sahaja
2. Memenuhi jemputan pada hari yang pertama sahaja sekiranya majlis tersebut lebih daripada sehari.
3. Undangan tersebut untuk melahirkan kasih sayang dan merapatkan hubungan.
4. Orang yang mengundang bukan seorang yang zalim atau diketahui memiliki harta yang haram.
5. Tidak terdapat perkara mungkar seperti minuman arak serta pergaulan bebas lelaki dan perempuan.

PELAJARAN 12 : PERKAHWINAN

KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN	
Tanggungjawab Suami : • Menyediakan segala keperluan asas untuk isteri dan anak-anak mengikut kemampuan suami • Memberikan kasih sayang, belas kasihan serta nafkah batin bagi memenuhi keperluan isteri • Memberikan layanan yang baik seperti turtur kata yang baik dan perlakuan yang sopan. • Memberi ilmu pengetahuan dan didikan agama secukupnya kepada isteri dan anak. • Menyelesaikan mahar yang belum dijelaskan.	**Tanggungjawab Isteri :** • Mentaati perintah suami selagi tidak bertentangan dengan hukum syara' • Menjaga kehormatan diri dengan berpakaian menutup aurat, memelihara pandangan, dan menjaga batas pergaulan ketika berada diluar rumah. • Menjaga kemulian, maruah dan harta suami • Melakukan perkara yang menyenangkan hati suami • Mendapat keizinan suami sebelum keluar rumah.

TANGGUNGJAWAB SUAMI ISTERI DARI SEGI :		
1. AKIDAH	**2. IBADAH**	**3. AKHLAK**
• Menerapkan didikan akidah Islam yang betul kepada anak-anak sejak daripada kecil. • Membentuk akidah keluarga berdasarkan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. • Memupuk asas ketakwaan yang mantap kepada anggota keluarga. • Memelihara akidah keluarga dariapada sebarang fahaman yang sesat.	• Mendidik keluarga dengan memberi pengetahuan berkaitan dengan ibadah yang betul. • Memastikan anggota keluarga menunaikan tanggungjawab ibadah. • Mempraktikkan cara hidup bersyariat dalam keluarga seperti solat berjemaah dan membaca Al-Quran. • Memelihara anggota keluarga daripada amalan yang menyeleweng.	• Menunjukkan akhlak yang mulia agar menjadi contoh dalam keluarga • Menyemai sikap berkasih sayang sesama anggota keluarga untuk mengeratkan hubungan silaturahim • Bekerjasama melakukan urusan rumah tangga agar kebahagiaan dirasai setiap anggota keluarga • Menegur anggota keluarga yang melakukan kemungkaran

PELAJARAN 13 : ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN

PEMBUBARAN PERKAHWINAN

Pembubaran perkahwinan	Isu-isu berkaitan dengan perkahwinan :
1. Talak 2. Fasakh 3. Khulu' 4. Li'an	1. Iddah 2. Rujuk 3. Nusyuz 4. Poligami 5. Hadanah 6. Anak angkat

Perkara	Pengertian	Hukum / Contoh / Jenis	Catatan penting
TALAK	**Maksud Talak :** • Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan.	**Hukum talak :** • Harus **Contoh lafaz :** 1. Jelas "Aku ceraikan engkau" 2. Kiasan "Aku lepaskan engkau mulai hari ini" **Jenis talak :** 1. Talak Raji'e : Talak yang boleh dirujuk dalam tempoh iddah tanpa akad nikah dan mahar yang baharu. 2. Talak Ba'in : Talak yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baharu.	• Hukum asal talak ialah **harus**, iaitu syara' memberikan kebenaran untuk pasangan suami isteri membubarkan perkahwinan kerana sebab-sebab yang munasabah. Walau bagaimanapun hukum talak boleh berubah mengikut keadaan iaitu : 1. **Wajib** : Apabila berlaku perbalahan antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses mahkamah. 2. **Sunat** : Apabila isteri berakhlak buruk. 3. **Makruh** : Apabila suami menceraikan isteri yang berkelakuan baik atau menceraikan isteri tanpa sebab. 4. **Haram** : Apabila suami menceraikan isteri dalam keadaan haid atau ketika suci tetapi telah disetubuhi tanpa diketahui hamil atau tidak.
FASAKH	**Maksud Fasakh :** • Pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim dengan sebab-sebab tertentu.	**Hukum fasakh :** • Harus isteri memohon fasakh **Contoh sebab fasakh :** • Isteri memohon fasakh kerana suami sering memukul hingga menyebabkan kecederaan fizikal.	

Perkara	Pengertian	Hukum / Contoh / Kesan	Catatan penting
KHULUK	**Maksud Khuluk** **(tebus talak)** • Pembubaran perkahwinan atas kehendak isteri dengan persetujuan membayar ganti rugi kepada suami.	**Hukum khuluk :** • Harus **Contoh khuluk :** • Mahkamah meluluskan permohonan khulu' atas permintaan isteri dengan memulangkan bayaran mahar kepada suami.	**Contoh bayaran ganti rugi :** • Wang tunai • Hartanah • Emas • Perak • Saham • Manfaat • Apa-apa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
LI'AN	**Maksud Li'an :** Lafaz sumpah suami apabila menuduh isterinya berzina tanpa ada 4 orang saksi atau menafikan nasab.	**Hukum :** • Wajib untuk mengelakkan suami daripada hukuman qazaf. **Kesan :** 1. Suami isteri tidak boleh rujuk selama-lamanya. 2. Anak tidak boleh dinasabkan kepada suami dan tidak berhak mendapat nafkah dan mewarisi pusaka daripada ayahnya	**Cara suami melakukan li'an :** • Suami melafazkan di hadapan hakim : ➢ "Aku bersaksi bahawa tuduhan ke atas isteriku adalah benar. Tuduhan zina yang aku lemparkan kepada isteriku yang bernama …… dan anak ini (jika isteri mempunyai anak zina, ataupun sedang mengandung) ialah anak zina dan bukan daripada zuriatku. ➢ Lafaz ini diulang sebanyak empat kali. Sekiranya isteri ada bersama-sama maka suami hendaklah menunjuk dengan tangannya ke arah isteri. • Pada kali yang kelima, hakim akan memberikan peringatan kepadanya tentang bahaya berdusta. ➢ Suami hendaklah berkata : "Sesungguhnya laknat Allah SWT akan menimpaku sekiranya aku terdiri daripada orang-orang yang berdusta". **Cara isteri melakukan li'an :** • Isteri melafazkan dihadapan hakim : ➢ "Aku bersaksi dengan nama Allah SWT bahawa …. (nama suami) …. orang yang berdusta tentang tuduhan zinanya terhadapku." ➢ Lafaz ini diulang sebanyak empat kali. • Pada kali kelima, isteri hendaklah berkata : • "Kemurkaan Allah SWT akan menimpaku, jika tuduhan suamiku benar".

PELAJARAN 13 : ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN

ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PERKAHWINAN

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Pengertian</th><th>Hukum / Contoh / Tempoh</th><th>Catatan penting</th></tr>
<tr><td>IDDAH</td><td>Maksud Iddah :
• Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami.</td><td>Hukum :
• Wajib

Tempoh iddah :
<table>
<tr><th>Situasi</th><th>Bercerai hidup</th><th>Bercerai mati</th></tr>
<tr><td>Belum putus haid</td><td>3 kali suci</td><td>4 bulan 10 hari</td></tr>
<tr><td>Telah putus haid</td><td>3 bulan hijrah</td><td>4 bulan 10 hari</td></tr>
<tr><td>Belum pernah disetubuhi</td><td>Tiada iddah</td><td>4 bulan 10 hari</td></tr>
<tr><td>Sedang hamil</td><td>Sehingga melahirkan anak</td><td>Sehingga melahirkan anak</td></tr>
</table></td><td>Larangan semasa iddah :
• Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan.
• Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syara’.
• Berhias diri kecuali wanita yang dalam iddah raj’i.</td></tr>
<tr><td>RUJUK</td><td>Maksud Rujuk :
• Hak suami untuk menyambung kembali ikatan perkahwinan dengan isteri yang diceraikan dalam tempoh iddah.</td><td>Hukum :
• Harus

Contoh :
• Suami berkata kepada isterinya :
“aku rujuk engkau untuk kembali kepangkuanku”</td><td>Syarat rujuk :
• Dengan kerelaan sendiri
• Bukan perceraian kerana fasakh atau khulu’
• Bukan diceraikan dengan talak tiga
• Isteri yang diceraikan masih dalam tempoh iddah
• Ada lafaz yang menunjukkan rujuk</td></tr>
<tr><td>NUSYUZ</td><td>Maksud Nusyuz :
• Keenganan isteri mentaati perintah atau permintaan suami yang sah.</td><td>Hukum :
• Haram

Contoh :
• Isteri enggan mematuhi perintah suaminya supaya menunaikan solat dan berpuasa</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Pengertian</th><th>Hukum</th><th>Catatan penting</th></tr>
<tr><td>POLIGAMI</td><td>Maksud Poligami :
• Amalan beristeri lebih daripada seorang pada satu masa.</td><td>Hukum :
• Harus</td><td>Kelayakan berpoligami :
• Tidak melebihi empat orang isteri dalam satu masa
• Boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya dari aspek lahiriah seperti pakaian dan tempat tinggal.
• Mampu memberi nafkah zahir dan batin</td></tr>
<tr><td>HADANAH</td><td>Maksud Hadanah:
• Penjagaan kanak-kanak yang masih kecil dan belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri.</td><td>Hukum :
• Wajib</td><td>Spektrum ilmu :
• Ibu bapa adalah orang yang paling berhak untuk menjaga anak selepas perkahwinannya dibubarkan. Namun terdapat sebab-sebab tertentu yang boleh menyebabkan haknya terbatal.</td></tr>
<tr><td>ANAK ANGKAT</td><td>Maksud Anak Angkat :
• Anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syara’</td><td>Hukum :
• Harus</td><td>
<table>
<tr><th>Hak</th><th>Anak kandung</th><th>Anak angkat</th></tr>
<tr><td>Nafkah dan kebajikan</td><td>/</td><td>/</td></tr>
<tr><td>Harta hibah</td><td>/</td><td>/</td></tr>
<tr><td>Harta wasiat</td><td>/</td><td>/</td></tr>
<tr><td>Pewarisan harta pusaka (faraid)</td><td>/</td><td>X</td></tr>
<tr><td>Wali dalam perkahwinan</td><td>/</td><td>X</td></tr>
<tr><td>Nasab</td><td>/</td><td>X</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td></td><td colspan="2">Implikasi perkahwinan yang tidak mengikut Syariat dan undang-undang Islam :
1. Pasangan boleh didenda jika disabitkan dengan kesalahan berkahwin tanpa mengikut saluran yang betul bagi negeri masing-masing.
2. Pasangan terpaksa dipisahkan jika didapati perkahwinan tidak sah mengikut hukum syara’
3. Isteri tidak mempunyai dokumen yang sah untuk membuat sebarang tuntutan seperti hadanah dan harta pusaka jika berlaku kematian suami.
4. Kesukaran mendaftarkan kelahiran anak untuk mendapatkan sijil kelahiran.</td><td>Spekrum ilmu :
• Pengurusan pernikahan seluruh Malaysia tertakluk kepada akta, enakmen dan ordinan undang-undang keluarga Islam negeri-negeri.</td></tr>
</table>

PELAJARAN 14 : PENGURUSAN HARTA SELEPAS KEMATIAN

UNIT 1 : WASIAT DALAM ISLAM

Maksud Wasiat :
- Ikrar yang dibuat oleh seseorang semasa hidup, untuk mengagihkan harta selepas kematiannya menurut hukum syara'

Hukum :
- Sunat

Antara harta yang boleh diwasiatkan
- Rumah
- Kereta
- Ladang
- Barang kemas

Rukun wasiat :
1. Pewasiat
2. Penerima wasiat
3. Harta yang diwasiatkan
4. Sighah – Ijab dan kabul

Dalil nakli :

1. Firman Allah : Surah Al-Baqarah ayat 180 yang bermaksud :
- Diwajibkan keatas kamu, apabila seorang daripada kamu hampir mati, jka dia ada meninggalkan harta, hendaklah ia membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik, (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan ke atas orang yang bertakwa.

2. Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
- Seseorang muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan tidak sepatutnya tidur selama dua malam berturut-turut melainkan wasiat yang tertulis disisinya.

Galakan berwasiat :
Jabir bin Abdullah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
- Sesiapa yang mati dalam keadaan berwasiat, maka dia telah mati dijalan Allah SWT dan sunnah (rasulnya), mati dalam keadaan takwa dan syahid, serta mati dalam keadaan diampuni dosanya.

Cara pengurusan wasiat :
- Harta yang diwasiat hendaklah dikira sebaik sahaja kematian pewasiat.
- Harta yang diawasiatkan tidak melebihi daripada 1/3 daripada keseluruhan harta.
- Dilaksanakan setelah dilangsaikan segala perbelanjaan pengurusan jenazah dan hutang si mati.

Contoh lafaf wasiat :
1. Lafaz yang jelas :
   Kata Ali : "Aku berwasiat rumahku kepada Zaim selepas aku mati."
2. Lafaz secara kiasan :
   Kata Ali : "Hartaku ini untuk Zahid", berserta dengan niat wasiat.

Pembahagian harta wasiat :
- Majoriti ulama' berpendapat bagi orang yang meninggalkan anggota waris, kadarnya tidak lebih daripada satu pertiga (1/3) harta berdasarkan hadis :
- Saat bin Abi Wakas meriwayatkan bahawa aku telah berkata kepada Rasulullah SAW yang bermaksud :
- Wahai Rasulullah! Aku mempunyai harta dan aku tidak mempunyai waris kecuali seorang anak perempuan, bolehkan aku mewasiatkan dua pertiga (2/3) hartaku? "Rasulullah SAW menjawab : "tidak boleh", aku bertanya lagi : "bagaimanakah dengan separuh (1/2) daripadanya?" "Rasulullah SAW menjawab : "tidak boleh", aku bertanya lagi : "bagaimanakah dengan satu pertiga (1/3) daripadanya?" Rasulullah SAW menjawab : "maka (boleh berwasiat) satu pertiga (daripada harta), sedangkan satu pertiga itu pun banyak."

Hikmah pensyariatan wasiat :
- Mendapat ganjaran pahala yang berpanjangan walaupun selepas meninggal dunia.
- Memanfaatkan harta bagi tujuan kebajikan masyarakat melalui wasiat.
- Menjamin kelangsungan operasi sesebuah organisasi melalui suntikan dana daripada wasiat.
- Menjaga kebajikan orang yang hampir dengan si mati seperti anak angkat atau anggota waris yang tidak layak menerima harta pusaka.

Syarat sah wasiat	
Pewasiat	1. Berakal - Tidak sah wasiat bagi orang yang gila. 2. Baligh - Tidak sah wasiat bagi kanak-kanak 3. Sukarela - Tidak sah wasiat bagi orang yang dipaksa 4. Merdeka - Tidak sah wasiat bagi hamba
Penerima wasiat	1. Diketahui dengan jelas sama ada individu tertentu atau organisasi - Tidak sah wasiat yang umum. 2. Masih hidup - Tidak sah wasiat kepada orang yang telah mati. 3. Mempunyai kelayakan untuk memiliki dan menguruskan harta - Tidak sah wasiat kepada janin dalam kandungan yang belum dilahirkan.
Harta yang diwasiatkan	1. Harta yang bernilai 2. Harta yang boleh berpindah milik 3. Harta yang harus dan bukan sesuatu yang haram.
Sighah	1. Lafaz wasiat boleh digunakan sama ada jelas atau kiasan. 2. Penerimaan wasiat berlaku selepas kematian pewasiat

PELJARAN 14 : PENGURUSAN HARTA SELEPAS KEMATIAN

UNIT 2 : FARAID DALAM ISLAM

Maksud Faraid :
- Pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia kepada anggota warisnya menurut hukum syara'

Hukum Faraid :
- Wajib

Jenis waris :

1. **Ashabul furud**
   - Waris yang menerima harta pusaka mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syara'
2. **Asabah**
   - Waris yang menerima baki harta pusaka selepas dibahagikan kepada ashabul furud.

Waris yang boleh menerima harta pusaka :

1. Bapa	3. Suami	5. Anak lelaki
2. Ibu	4. Isteri	6. Anak perempuan

Rukun faraid :
1. Orang yang mewariskan harta
2. Waris
3. Harta pusaka

Syarat sah faraid :

1. Orang yang mewarisikan harta
   - Kematian telah disahkan. Sekiranya kematian belum disahkan, pembahagian harta tidak dibenarkan.
2. Waris
   - Waris masih hidup.
   - Mengetahui status hubungan dengan si mati
3. Harta pusaka
   - Harta yang dimiliki oleh si mati. Sekiranya harta pusaka tidak dimiliki oleh si mati, pembahagiannya tidak sah.

Dalil nakli :

1. Firman Allah : Surah An-Nisa ayat 7 yang bermaksud :
   - Orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan saudara mara mereka, dan orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan saudara mara mereka, sama ada sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan.
2. Abdullah bin Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
   - Serahkanlah bahagian-bahagian pusaka yang ditetapkan itu kepada para pemiliknya. Apa-apa jua yang masih berbaki, maka serahkanlah bahagian itu kepada waris lelaki yang terdekat.

Spektrum ilmu :

Rasulullah SAW telah memperakui Zaid bin Thabit sebagai salah seorang pakar dalam bidang faraid.
- Anas bin Malik meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : Orang yang paling mengetahui faraid antara kamu ialah Zaid bin Thabit.

Hikmah pensyariatan faraid :
- Mengelakkan berlaku pertellingkahan dalam pembahagian harta yang menjejaskan kebahagian dalam keluarga
- Menjamin kelangsungan hidup waris selepas kematian orang yang mewarisi harta.
- Menegakkan keadilan bagi pihak waris supaya tidak ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- Mengekalkan kasih sayang dalam kalangan anggota keluarga.

JENIS ASABAH

1. Asabah Bin-Nafsi	2. Asabah Bil-Ghairi	3. Asabah Ma'a al-Ghair
• Anggota waris yang terdiri daripada kaum lelaki, iaitu :	• Waris perempuan dengan sebab adanya anggota waris lelaki iaitu :	Waris perempuan dengan sebab adanya anggota waris perempuan yang lain, iaitu :
1. Bapa. 2. Datuk. 3. Anak lelaki. 4. Cucu lelaki dari anak lelaki 5. Saudara lelaki kandung. 6. Saudara lelaki sebapa. 7. Bapa saudara kandung. 8. Bapa saudara sebapa 9. Anak lelaki bapa saudara kandung. 10. Anak lelaki bapa saudara sebapa.	1. Anak perempuan dengan anak lelaki. 2. Cucu perempuan dengan cucu lelaki. 3. Saudara kandung perempuan dengan saudara kandung lelaki 4. Saudara perempuan sebapa dengan saudara lelaki sebapa.	1. Saudara perempuan kandung. 2. Saudara perempuan sebapa berkongsi dengan anak perempuan atau cucu perempuan.

PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

1.Bapa • 1/6 : sekiranya mempunyai anak lelaki. • Asabah : sekiranya tiada anak. • 1/6 dan asabah : sekiranya mempunyai anak perempuan sahaja.	**4.Anak lelaki** • Seluruh harta sekiranya tiada anak perempun. • Asabah binnafsi
2.Ibu • 1/3 : sekiranya tiada anak atau terdapat hanya seorang saudara lelaki atau perempuan • 1/6 : sekiranya mempunyai anak atau terdapat lebih daripada dua orang saudara lelaki atau perempuan. • 1/3 : daripada baki sekiranya hanya mempunyai ibu, ayah, suami atau isteri.	**5.Anak perempuan** • 1/2 : sekiranya anak tunggal perempuan. • 2/3 : sekiranya terdapat dua atau lebih anak perempuan. • Asabah bil ghair sekiranya mempunyai anak lelaki.
3.Suami • 1/2 : sekiranya tiada anak. • 1/4 : sekiranya mempunyai anak.	**6. Isteri** • 1/4 : sekiranya tiada anak • 1/8 : sekiranya mempunyai anak.

PELJARAN 15 : JENAYAH DALAM ISLAM

Maksud Jenayah Dalam Islam :

- Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan hukumannya dalam al-Quran, as-sunnah dan sebahagiannya daripada mahkamah.

Hukum melaksanakan hukuman jenayah dalam Islam :

- Wajib

A. HUKUM HUDUD

Maksud Hukum Hudud :

- Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuknya dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Hukum hudud :

- Wajib

Dalil nakli :

1. Firman Allah : Surah Al-Baqarah ayat 178 yang bermaksud : Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "kisas"(balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh, iaitu : orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan.

2. Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahwa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
   Tidak halal darah (nyawa) seseorang muslim yang mengucap bahawa tiada tuhan selain Allah SWT dan bahawa aku Rasulullah SAW melainkan satu daripada tiga, iaitu orang yang sudah berkahwin melakukan zina, membunuh jiwa, dan orang yang meninggalkan agama, keluar daripada jemaah Islam.

Hukuman kesalahan jenayah :

A. Hudud
B. Qisas
C. Ta'zir

Jenis kesalahan di bawah hukuman jenayah hudud :

1. Minum arak
2. Mencuri
3. Qazaf
4. Zina
5. Merompak

Spektrum ilmu :

- Pelaksanaan hukum hudud adalah dibawah pihak berkuasa dan tidak boleh dilaksanakan oleh orang awam.

Hukuman Jenayah Hudud	Hukuman Hudud
1. Minum arak : • Meminum sebarang bahan yang memabukkan sama ada dinamakan arak atau tidak, banyak atau sedikit	• Sebat 40 kali
2. Mencuri : • Mengambil harta orang lain secara tersembunyi (tanpa kerelaannya) dengan tujuan memilikinya.	1. Potong tangan 2. Memulangkan barang yang dicuri
3. Qazaf : • Tuduhan zina atau penafian nasab terhadap orang yang baik akhlaknya.	1. Sebat 80 kali 2. Tidak diterima sebagai saksi
4. Zina : • Melakukan persetubuhan haram tanpa nikah yang sah antara lelaki dengan perempuan.	➢ Penzina bukan muhsan (belum berkahwin) • Sebat 100 kali • Buang daerah selama setahun.
	➢ Penzina muhsan (sudah berkahwin) • Rejam dengan batu sampai mati.
5. Merompak : • Melakukan serangan dengan menggunakan kekerasan untuk merampas harta, membunuh atau menakutkan orang awam secara terbuka.	• Rujuk sebelah

Hukuman bagi perompak mengikut kategori : (Menggunakan kekerasan dengan niat mengambil harta)	**Hukuman Hudud**
1. Berlaku rampasan harta dan berlaku pembunuhan.	Dibunuh kemudian di palang
2. Tidak berlaku rampasan harta tetapi berlaku pembunuhan.	Dibunuh
3. Berlaku rampasan harta tetapi tidak berlaku pembunuhan.	Dipotong tangan dan kaki secara bersilang
4. Tidak berlaku rampasan harta dan tidak berlaku pembunuhan.	Buang daerah

PELJARAN 15 : JENAYAH DALAM ISLAM

B. HUKUM QISAS

Maksud Qisas :
- Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara balasan yang sama seperti dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Hukum Qisas :
- Wajib jika mangsa atau waris mangsa mahukan balasan yang sama. Namun demikian, mangsa atau waris mangsa boleh menggantikan balasan tersebut dengan diyat atau memaafkannya.

Diyat (pampasan)
- Ialah jumlah bayaran berdasarkan persetujuan bersama atau ditetapkan oleh mahkamah.

Jenis-jenis pembunuhan menurut Syariat Islam :
1. Pembunuhan dengan sengaja
2. Pembunuhan separa sengaja
3. Pembunuhan tanpa niat.

Jenis kesalahan dibawah hukuman Qisas :	**Hukuman Qisas**
1. Pembunuhan • Maksud : Serangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa.	1. Mati 2. Diyat jika ada pengampunan daripada waris mangsa.
2. Perbuatan yang membawa kepada kecederaan • Maksud : Perbuatan yang mendatangkan kecederaan.	1. Balasan yang sama 2. Diyat jika ada pengampunan daripada mangsa atau waris mangsa.

C. HUKUM TA'ZIR

Maksud ta'zir :
- Hukuman keseksaan yang tidak ditetapkan jenis dan bentuk dalam al-Quran dan as-Sunnah, sebaliknya diputuskan oleh mahkamah.

Hukum Ta'zir :
Hakim harus menjatuhkan hukuman berdasarkan ijtihad dan maslahat rakyat dan negara bagi kesalahan yang tiada peruntukannya.

Contoh hukuman ta'zir :
- Teguran
- Denda
- Penjara
- Sebatan
- Hukuman mati.

Hikmah hukuman jenayah dalam Islam :

1. Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia agar dapat hidup dengan sejahtera.
2. Mendidik dan menghukum bagi sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan supaya mendapat keampunan daripada Allah SWT.
3. Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian bagi masyarakat dan negara.
4. Merancakkan pertumbuhan ekonomi tanpa bimbang kepada sebarang rampasan dan kecurian.

PELAJARAN 16 : KERAJAAN UTHMANIYYAH

Sejarah Karajaan Uthmaniah		
1	Nama asal kerajaan	Bersempena nama Othman bin Ertughrul, iaitu pengasas Kerajaan Othmaniah
2	Tempoh pemerintahan	1299 – 1924 M
3	Kawasan pemerintahan	Meliputi sebahagian besar benua Asia, Eropah dan Afrika
4	Bilangan pemerintah	37 orang
5	Antara pemerntah yang terkenal	• Sultan Uthman bin Ertughrul • Sultan Murad 1 • Sultan Muhammad Al-Fateh • Sultan Sulaiman Al-Kanuni
6	Pemerintah pertama	Sultan Uthman bin Ertughrul
7	Pemerintah terakhir	Sultan Abdul Majid II
8	Pusat pemerintahan	• Sogut 1299-1355 M • Bursa 1335-1363 M • Edirne 1363-1453 M • Istanbul 1453-1924 M

Faktor kemerosotan Kerajaan Uthmaniyyah

- Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding dengan kuasa barat sehingga kalah dalam peperangan.
- Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negara yang tinggi
- Gerakan yang menuntut kemerdekaan daripada wilayah-wilayah menyebabkan negara tidak stabil.
- Kelemahan sistem pendidikan menyebabkan kekurangan tenaga mahir untuk membangunkan negara.
- Persaingan politik dalaman istana dan perebutan dalam kalangan putera-putera raja untuk mendapatkan kuasa.

Iktibar daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah :

Sebagai umat Islam,

- Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa **supaya** urusan pentadbiran berjalan lancar.
- Kita hendaklah sentiasa berpegang pada ajaran Islam **supaya** hidup diberkati Allah SWT.
- Kita hendaklah sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu **agar** mampu bersaing di peringkat antarabangsa.
- Kita hendaklah sentiasa menghayati semangat cinta akan negara **agar** rela berkorban mempertahankannya daripada serangan musuh.
- Kita hendaklah menolak campur tangan asing **untuk** menjaga kedaulatan negara

Spektrum ilmu :

Abdullah bin Bishrin al-Khas'ami daripada ayahnya meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

- Sesunggunya Costantinople itu pasti akan dibuka. Sebaik-baik ketua ialah ketuanya, dan sebaik-baik tentera ialah tenteranya .

Terdapat beberapa buah kerajaan Islam yang lain selepas Kerajaan Abbasiah, antaranya termasuklah :

1. Kerajaan Fatimiyah (909-1171)
2. Kerajaan Ayubiyah (1250-1174)
3. Kerajaan Mamlukiyah (1250-1517)

Faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniyyah :

1. Pentadbiran

- Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi.
- Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan dibantu oleh pegawai pentadbiran.
- Penguasaan laluan diantara benua Eropah dengan benua Asia apabila menguasai Selat Dardanelles dan Selat Bosporus.

2. Keilmuan

- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu sehingga mencapai kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu pengetahuan, pembangunan, falsafah, kesenian seni bina dan teknikal.
- Menaik taraf dan membina institusi masjid seperti masjid Kasbah di Algeria untuk merancakkan aktiviti keagamaan.

3. Sosial

- Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan.
- Mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat.
- Sistem wakaf yang sistematik meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan.

4. Ketenteraan

- Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera demi mempertahankan agama dan negara.
- Menjaga kebajikan tentera dengan menyelaras sistem kenaikkan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata.

PELAJARAN 16 : KERAJAAN UTHMANIYYAH

Ketokohan sultan yang terkenal pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah				
Nama penuh	Uthman bin Ertughrul	Murad I bin Urkhan	Muhammad Al-Fatih bin Murad II	Sulaiman Al-Kanuni bin Salim I
Tarikh lahir	656 hijrah / 1258 masihi	726 hijrah / 1325masihi	833 hijrah / 1429 masihi	900 hijrah / 1494 masihi
Tarikh mangkat	726 hijrah /1326 masihi	791 hijrah /1388 masihi	886 hijrah /1481 masihi	974 hijrah /1566 masihi
Tempoh pemerintahan	27 tahun	30 tahun	31 tahun	48 tahun
Jawatan	Pemerintahan pertama Kerajaan Uthmaniyyah	Pemerintahan ke-3 Kerajaan Uthmaniyyah	Pemerintahan ke-7 Kerajaan Uthmaniyyah	Pemerintahan ke-10 Kerajaan Uthmaniyyah
Sumbangan	• Menyatukan wilayah Anatolia selatan selepas ditinggalkan oleh Byzantine. • Mengishtiharkan kemerdekaan Anatolia daripada kerajaan Saljuk. • Mengasaskan kerajaan Uthmaniyyah.	• Membentuk pasukan Janissary • Memodenkan angkatan tentera laut. • Menjadikan Edirne sebagai ibu negara	• Membuka kota Constantinople pada tahun 857 hijrah /1453 masihi • Menyatukan empayar diutara Balkan bagi mengelakkan serangan Hungary • Mewakafkan Aya Sophia / Hagia Sophia sebagai masjid dan membina kompleks Al- Fateh.	• Membuka Belgrade • Membuka Algeria dan Tunisia • Menyusun undang-undang yang dikenali sebagai Kanunname • Mengadakan hubungan diplomatik dengan Perancis yang merupakan sebuah kuasa besar.

PELAJARAN 17 : KEUNGGULAN TOKOH ISLAM

	Salahudin Al-Ayubi	Hassan Al-Banna	Ahmad bin Ibrahim
Nama penuh	Yusuf bin Ayub bin Syazi	Hasan bin Ahmad bin Abdul Rahman Muhammad Al-Banna	Ahmad bin Muhammad Ibrahim
Tarikh lahir	532 Hijrah	25 Syaban 1323 hijrah/ 14 Oktober 1906	15 Mei 1916
Tarikh meninggal dunia	589 Hijrah	1368 Hjrah/ 12 Februari 1949	14 April 1999
Jawatan	Pemerintah bagi kerajaan Al-Ayyubiyah	Mursyidul Am Ikhwanul Muslimin	Gelaran : Professor Emiretus Tan Sri Doktor
Ketinggian akhlak	• Menghormati para ulama. • Berani mempertahankan agama. • Perihatin terhadap kebajikan rakyat.	• Memuliakan orang-orang yang wara' dan soleh . • Gigih menggerakkan usaha dakwah • Berlapang dada apabila terdapat perbezaan pandangan.	• Suka menyebarkan ilmu • Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.
Guru yang tersohor	Ali bin al-Hasan bin Habbatullah bin 'Asakir al-Damsyiki	• Ahmad bin Abdul Rahman Al-Banna • Sheikh Muhammad Zahran	**Pekerjaan :** • Pensyarah kuliah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia • Hakim mahkamah rayuan dan mahkamah Syariah.

Sumbangan Hasan Al-Banna :

1. Hasil karya : Muzakirat ad-Dakwah wad-Da'iyah, Risalah at-Ta'alim dan al-Ma'thurat.
2. Organisasi : Mengasaskan Pertubuhan Ikhwanul Muslimin
3. Antara murid yang masyhur :
   - Syed Qutub
   - Hassan al-Hadibi
   - Yusuf Al-Qardawi
   - Mustafa bin Hasanil al-Siba'i

Tahap Pendidikan Ahmad bin Ibrahim
* Victoria Bridge School, Singapura.
* Raffles Institution, Singapura.
* Raffles College, Singapura
* University of Cambridge

Sumbangan Ahmad bin Ibrahim :

1. Hasil karya :
   - Buku-buku undang-undang keluarga Islam di Malaysia seperti undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan Family Law in Malaysia.
   - Pelopor jurnal hukum
   - Menghasilkan buku-buku berkaitan dengan undang-undang di Malaysia :
     i. Sistem undang-undang Malaysia
     ii. Islamic Law in Malaysia
2. Kehakiman : antaranya hakim mahkamah rayuan dan mahkamah Syariah.
3. Perundangan :
   - Anggota panel pengasas kuliah undang-undang di University Islam Antarabangsa Malaysia.
   - Pengasas dan penggubal enakmen undang-undang Islam (hudud dan qisas) Kelantan pada tahun 1991.

Sumbangan : Salahudin Al-Ayyubi

1. **Ketenteraan :**
   - Membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera Salib.
2. **Keilmuan :**
   - Mengembalikan semula pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam sistem pendidikan.
3. **Pentadbiran :**
   - Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital yang dinamakan Al-Bimaristan Al-Atiq.
   - Sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit.

Iktibar daripada keunggulan tokoh
Sebagai umat Islam :

- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu **sebagai** bukti kecintaan terhadap ilmu.
- Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah **agar** masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.
- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki **agar** dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.
- Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti **supaya** dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.
- Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara **supaya** negara dirahmati di peringkat antarabangsa.

PELAJARAN 18 : TAWADUK MENZAHIRKAN KESUCIAN JIWA

Maksud tawaduk :

- Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.

Dalil nakli sifat tawaduk :

1. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

- Dan tidaklah seseorang merendahkan diri kepada Allah SWT melainkan Allah SWT akan mengangkat darjatnya.
  (riwayat Muslim)

2. I'yad bin Hamar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

- Sesungguhnya Allah SWT telah mewahyukan kepadaku agar bersifat tawaduk. Janganlah seseorang antara kamu bersikap sombong dan berbuat zalim kepada yang lain.
  (riwayat Muslim)

Spektrum Ilmu :

- Perbuatan membazir dilarang dalam Islam.
  Firman Allah SWT : Surah Al- Isra'ayat 27 yang bermaksud :
  - Sesungguhnya orang yang boros itu ialah saudara syaitan, sedang syaitan itu pula ialah makhluk yang sangat kufur kepada tuhannya.

Hikmah tawaduk :

- Membentuk insan yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah.
- Dikasihi masyarakat kerana tidak bersikap sombong.
- Membentuk keluarga yang harmoni kerana saling menghormati antara satu sama lain.
- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur.
- Membudayakan sikap merendah diri demi kepentingan Islam.

CONTOH SIFAT TAWADUK YANG DIAMALKAN OLEH RASULULLAH SAW

1. Tawaduk dalam pergaulan :

- Rasulullah SAW menunjukkan sifat tawaduk ketika bergaul, terutama dengan kanak- kanak. Walaupun mempunyai kedudukan yanag mulia, baginda tidak sombong dengan kedudukannya. Sebaliknya baginda menghormati dan menyayangi kanak- kanak. Baginda sentiasa bersikap lemah lembut dan menunjukkan kasih terhadap mereka.
- Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW selalu menyantuni kanak- kanak dengan mendahulukan ucapan salam ketika bertemu dan membelai rambut mereka dengan perasaan kasih sayang.
  (riwayat Al-Bukhari)

2. Tawaduk dalam kehidupan rumah tangga

- Rasulullah SAW menunjukkan sifat tawaduk ketika bersama- sama dengan keluarga. Baginda bersama-sama membantu isteri melayani keluarga dan menguruskan rumah tangga.
- Urwah bin Zubair r.a berkata, seseorang bertanya kepada Saidatina Aisyah r.a. "Adakah Rasulullah SAW bekerja di dalam rumah baginda?" Lalu Saidatina Aisyah menjawab, "Rasulullah SAW menampal selipar, menjahit pakaian dan melaksanakan tanggungjawab dalam rumah tangga sepertimana yang dilakukan oleh orang lain".
  (riwayat Ahmad)

3. Tawaduk ketika makan dan minum :

- Rasulullah SAW menunjukkan sifat tawaduk ketika makan dan minum. Baginda tidak pernah mencela makanan yang disediakan untuk baginda.
- Jika baginda menyukai makanan tersebut, baginda akan memakannya.
- Apabila baginda tidak menyukainya, baginda meningalkannya. Baginda tidak menzahirkan perasaannya, sebaliknya hanya berdiam.
  (riwayat Muslim)

9PELAJARAN 19 : ISTIQAMAH JALAN MENUJU MUJAHADAH

Maksud Istiqamah :
- Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangannya.

Spektrum Ilmu :
- Maksud **FASTAQIM** ialah keteguhan memelihara iman dalam melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangannya.

- Aisyah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : Apakah amalan yang paling disukai Allah SWT? Lalu baginda berkata: "Amalan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit".

Dalil nakli sifat istiqamah :

1. Allah SWT berfirman dalam surah Hud, ayat 112 yang bermaksud :
- Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) **sentiasa tetap teguh** di atas jalan yang betul sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu.

2. Sufian bin Abdullah r.a meriwayatkan bahawa beliau bertanya kepada Rasulullah SAW yang bermaksud :
- "Wahai Rasulullah SAW katakanlah kepadaku satu perkataan yang berkaitan tentang Islam yang aku tidak perlu bertanya kepada orang lain". Baginda berkata : "Ucapkanlah aku beriman dengan Allah SWT, kemudian **beristiqamahlah** kamu".

Cara memiliki sifat istiqamah :

1. Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu **agar** berterusan mengamalkan sifat mahmudah.
2. Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah SWT **agar** dapat melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangannya secara berterusan.
3. Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para rasul yang istiqamah melakukan kebaikan.
4. Sentiasa muhasabah diri **agar** ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan.
5. Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah **supaya** menjadi amalan dalam kehidupan.
6. Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin dalam melakukan kebaikan.

Spektrum ilmu :

Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:
- Tidak istiqamah (tetap) iman seseorang hamba sehinggalah istiqamah hatinya dan tidak istiqamah hati seseorang hamba sehinggalah istiqamah lidahnya. (riwayat Ahmad)

Spektrum ilmu :
- Antara wasiat Imam Syafie : "Benteng iman itu terdapat dalam lima perkara, iaitu keyakinan, keikhlasan, melazimi ibadah sunnah, istiqamah dalam beramal dan berdisiplin dalam ibadah".

CONTOH SIFAT ISTIQAMAH YANG DIAMALKAN OLEH RASULULLAH SAW

1. Istiqamah dalam ibadah :
- Rasulullah SAW istiqamah beribadah kepada Allah SWT. Baginda tidak jemu memohon keampunan daripada Allah SWT walaupun baginda seorang yang maksum.
- Abu Hurairah r.a mengatakan bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda : "Demi Allah SWT, sesungguhnya aku beristighfar dan bertaubat kepada Allah SWT lebih dari tujuh puluh kali setiap hari". (riwayat Al- Bukhari)

2. Istiqamah dalam berdakwah :
- Rasulullah SAW tetap berdakwah menyebarkan agama Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman.
- Sifat istiqamah Rasulullah SAW dalam berdakwah terserlah melalui ketegasan baginda yang tidak akan meninggalkan usaha dakwah walaupun digantikan dengan kesenangan dunia.

Amalan :

Doa supaya sentiasa mengingati Allah dan mensyukuri nikmatnya.

Maksud : Ya Allah, bantulah aku untuk mengingatimu, mensyukuri nikmatmu dan memperelok ibadah kepadamu.

- Imam Ghazali berkata : "Antara tanda kecintaan seorang hamba kepada Allah SWT termasuklah apabila dia mengutamakan perkara yang disukai oleh Allah SWT melebihi keinginan nafsu dan kepentingan diri sama ada secara zahir atau batin".

Hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan :

1. Menzahirkan individu yang berakhlak mulia **kerana** melaksanakan kebaikan secara berterusan.
2. Membentuk insan yang teguh pendirian dalam mempertahankan kebenaran.
3. Memperkukuh jati diri dengan sifat sabar dan tidak berputus asa untuk berjaya.
4. Memupuk sikap sanggup berkorban harta dan nyawa demi mempertahankan Islam.
5. Membangunkan ekonomi **kerana** komitmen semua pihak untuk memajukan negara.
6. Melahirkan sifat kebersamaan dalam masyarakat **kerana** sentiasa menjaga kepentingan bersama.

PELAJARAN 20 : ALAM SEKITAR PENENANG MINDA

Maksud Alam Sekitar :

- Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.
- Hari Alam Sekitar Malaysia disambut pada 21 hingga 27 Oktober setiap tahun selama seminggu bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Dalil Nakli Tuntutan Adab Menjaga Alam Sekitar :

1. Allah SWT berfirman, surah Al- Haj, ayat 64 yang bermaksud :
- Segala yang ada di langit dan di bumi ialah kepunyaanNya. Dan sesungguhnya Allah SWT, Dialah yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

2. Allah SWT berfirman, surah al-Baqarah, ayat 11-12 yang bermaksud :
- Dan apabila dikatakan kepada mereka, janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi, mereka menjawab, "Sesungguhnya kami orang yang hanya membuat kebaikan". Ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka itulah orang yang sebenarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya.

Adab Menjaga Alam Sekitar :

- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna agar tidak terancam dan pupus.
- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan seperti penanaman semula pokok bakau.
- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar seperti bergotong- royong membersihkan kawasan rumah dan asrama.
- Sentiasa menjaga kelestarian alam seperti menjaga kebersihan sungai.
- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam seperti amalan kitar semula.
- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.

Hikmah Adab Menjaga Alam Sekitar :

- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar **kerana** menyedari tanggungjawab yang diamanahkan.
- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa **kerana** melihat keindahan alam.
- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit **kerana** pembudayaan cinta akan alam sekitar.
- Melestarikan alam sekitar yang indah **untuk** dimanfaatkan kepada generasi akan datang.
- Meningkatkan pendapatan **kerana** melaksanakan aktiviti eko-pelancongan.

Eko-Pelancongan :

- Pelancongan yang berasaskan sumber dan pemeliharaan alam semulajadi.

PELAJARAN 21 : SIFAT MAZMUMAH MERACUNI HATI

Maksud Mazmumah :
- Sifat dan tingkah laku keji yang berlawanan dengan syarak.

Spektrum ilmu :

Imam Ghazali menyenaraikan sepuluh sifat mazmumah yang perlu dihindari seperti yang berikut :

1. Banyak makan dan minum
2. Banyak berkata yang sia- sia
3. Pemarah
4. Hasad dengki
5. Kasih pada harta (bakhil)
6. Mencintai harta dan pangkat
7. Hati yang terpaut pada dunia
8. Bersikap sombong (takbur)
9. Bangga diri (ujub)
10. Menunjuk- nunjuk (riak)

Spektrum ilmu :

Abdullah bin Mas'ud r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
- Perasaan hasad dengki itu dilarang kecuali dalam dua perkara : dengki terhadap seseorang yang Allah SWT kurniakan padanya harta, dan dia membelanjakan pada yang berhak dan seseorang yang dikurniakan ilmu pengetahuan kemudian dia mengamalkannya dan mengajarkannya kepada orang lain.

CONTOH SIFAT MAZMUMAH

1. RIAK	2. UJUB	3. HASAD
Maksud riak : • Melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain.	**Maksud ujub :** • Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri.	**Maksud hasad :** • Perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada seseorang dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya.
Contoh sifat riak : • Melaksanakan solat sunat hanya jika berada di hadapan orang. • Bersedekah kerana mengharapkan pujian manusia.	**Contoh sifat ujub :** • Berasa bangga dengan kehebatan ilmu yang dimiliki. • Merasakan diri lebih soleh berbanding orang lain.	**Contoh sifat hasad :** • Berasa dengki dengan rakan yang memiliki kekayaan harta atau pangkat dan berharap agar dia jatuh miskin. • Berasa cemburu dengan seseorang yang memiliki rupa paras yang cantik dan berharap agar dia menjadi cacat.
Dalil larangan sifat riak : 1. Allah SWT berfirman, surah Al-Ma'un, ayat 4-6 yang bermaksud : • Maka kecelakaan yang besar bagi orang yang solat, (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya. Juga bagi orang- orang yang berkeadaan riak (dalam ibadah dan bawaannya) 2. Mahmud bin Labid meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : • Sesungguhnya yang amat aku takuti ke atas kamu ialah syirik kecil. Para sahabat bertanya : "Apakah syirik kecil wahai Rasulullah ?" Baginda menjawab : iaitu riak. (riwayat Ahmad)	**Dalil larangan sifat ujub :** 1. Allah Taala berfirman, surah At-Taubah, ayat 25 yang bermaksud : • Iaitu semasa kamu berasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai. Maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikit pun. 2. Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : • Pada suatu ketika seorang lelaki berjalan dengan pakaian yang membanggakan dirinya serta rambutnya disikat rapi dan berlagak sombong ketika berjalan. Lalu Allah Taala membenamkannya ke dalam bumi. Maka dia terus menerus meluncur ke dalam bumi sehinggalah hari kiamat. (riwayat Muslim)	**Dalil larangan sifat hasad :** 1. Allah Taala berfirman surah Al-Falaq,ayat 5 yang bermaksud : • Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya. 2. Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : • Hendaklah kamu menjauhi sifat hasad (dengki), sesungguhnya hasad (dengki) itu menghapuskan kebaikan seperti api membakar kayu api. (riwayat Abu Daud)

PELAJARAN 21 : SIFAT MAZMUMAH MERACUNI HATI

Amalan :	**Cara meninggalkan sifat mazmumah :**	**Hikmah meninggalkan sifat mazmumah :**
Khutbah bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : • Ya Allah, jauhkanlah aku daripada akhlak yang keji, amalan yang mungkar, nafsu yang buruk dan pelbagai penyakit yang berat.	1. Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah. 2. Sentiasa muhasabah diri agar terhindar daripada sifat mazmumah. 3. Sentiasa mangawal keinginan nafsu yang suka akan kemegahan dunia seperti harta, pangkat dan jawatan. 4. Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa seperti beristighfar dan bertasbih. 5. Mencontohi akhlak mulia para rasul dan sahabat dalam kehidupan. 6. Sentiasa bersahabat dengan rakan yang berakhlak mulia agar sentiasa istiqamah mengamalkan sifat mahmudah.	1. Membentuk akhlak mulia kerana menghindarkan diri daripada larangan Allah SWT. 2. Mendidik jiwa supaya sentiasa tunduk kepada kekuasaan Allah SWT. 3. Memperkukuh jati diri muslim dengan mengamalkan sifat mahmudah. 4. Mendapat ketenangan hidup kerana menjaga hubungan sesama manusia. 5. Memartabatkan imej islam sebagai contoh terbaik dalam membangunkan modal insan.

SENARAI AHLI PANEL
MODUL NOTA PINTAR PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN LIMA

BIL	NAMA	JABATAN
1	Ustaz Mohd Syaiful bin Mohd Salleh	SPI, JPNS
2	Ustaz Mohd Haidir bin Mohd Isa	PPD Seremban
3	Hjh. Asyirah binti Haji Zakaria	PPD Seremban
4	Ustaz Muhammad Hilmi bin Lahuri	PPD Seremban
5	Ustaz Mohd Sofie bin Razali	PPD Port Dickson
6	Ustaz Fazli Azhar bin Yunus	PPD Port Dickson
7	Ustaz Ismail bin Hussain	PPD Jempol Jelebu
8	Ustaz Abd Rahman bin Ab Razak	PPD Jempol Jelebu
9	Hjh. Normala binti Tomadi	PPD Kuala Pilah
10	Ustaz Hasrul Nizam bin Che Hussin	PPD Kuala Pilah
11	Ustaz Muhammad Zikry bin Jamaludin	PPD Tampin
12	Ustaz Hafiszal bin Omar	PPD Tampin
13	Ustaz Anuwar bin Mohamad	PPD Rembau
14	Ustaz Mohd Nadzmi bin Sulaiman	PPD Rembau
15	Ustazah Wangi Wardahti binti Samnu	SM Teknik Tuanku Jaafar

BIL	NAMA	JABATAN
16	Ustaz Rizal bin Kemis	SMK Jelai Felda, Gemas
17	Ustazah Zalifah binti Kadir	SMK Dato' Undang Haji Adnan
18	Ustaz Mohd Shahyar bin Zulkafli	SMK (Felda) Seri Sendayan
19	Ustaz Mohd Nazif bin Arifin	SM Sains Tuanku Jaafar
20	Ustazah Noorazni binti Ishak	SMK Tunku Kurshiah
21	Ustazah Afifah binti Mustafar	SMK Jelai Kuala Pilah
22	Ustaz Abdul Hadi bin Salleh	SMK Pasir Besar
23	Ustazah Azlina binti Zainal	SMK Alam Beraja
24	Ustazah Che Razizuwati binti Che Wan	SMK Batu Kikir Model Khas
25	Ustazah Suhita binti Yeop Johari	SMK Bandar Baru Serting
26	Ustazah Roslina binti Ab Kadir	SM Teknik Tuanku Jaafar
27	Ustazah Hanizah binti Mohd Noor	SMK Seremban 2
28	Ustazah Habibah binti Abd. Hamid	SMK Intan Perdana
29	Ustazah Zaleha binti Ismail	SMK Mantin
30	Ustaz Hadlisham bin Muhamad	SMK Tanah Merah, PD


PANEL PENULIS JURULATIH PENDIDIKAN ISLAM
SPI PENDIDIKAN ISLAM, JPNS





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

PANEL PENULIS: JU PENDIDIKAN ISLAM
SPI JPN NEGERI SEMBILAN